

1. PEMBIAYAAN DI BAWAH TRANSAKSI TAWARRUQ

- 1.1 Terma-terma dan syarat-syarat ("Terma dan Syarat") bagi Kemudahan Pembiayaan BSN MyRinggit-i adalah berdasarkan Konsep Syariah *Tawarruq* ("Kemudahan").

Tertakluk kepada penerimaan Bank Simpanan Nasional ("BSN" atau "Bank") terhadap permohonan dari pemohon yang dinamakan ("Pemohon") di dalam borang permohonan untuk Kemudahan Pembiayaan BSN MyRinggit-i ("Borang Permohonan"), Pemohon dengan ini bersetuju bahawa Terma dan Syarat yang tercatat di sini adalah terpakai bagi Kemudahan ini dan Pemohon bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.

2. DEFINISI & TAFSIRAN

Bagi tafsiran Terma dan Syarat ini, perkataan-perkataan berikut akan mempunyai pengertian dan maksud seperti yang dinyatakan selepas ini:-

| | |
|---|--|
| "Akad" | bermaksud penawaran (<i>ijab</i>) dan penerimaan (<i>qabul</i>) daripada kedua-dua pihak terhadap transaksi jualan Komoditi tersebut pada harga dan terma-terma yang dipersetujui; |
| "Bank" | bermaksud Bank Simpanan Nasional sebuah badan korporat yang mempunyai alamat di Wisma BSN, No 117 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur; |
| "Bulan" | bermaksud bulan Kalendar; |
| "Harga Jualan" | bermaksud harga jualan Komoditi oleh Bank kepada Pemohon seperti yang akan dinyatakan di dalam Sistem Pesanan Ringkas (SMS) dihantar oleh pihak Bank kepada Pemohon serta diperincikan di dalam Notis Kemudahan Pembiayaan BSN MyRinggit-i ("Notis Kemudahan"). Pengiraan Harga Jualan adalah berdasarkan Harga Belian Komoditi (jumlah pembiayaan yang diluluskan) dicampur dengan jumlah Keuntungan Bank (dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Siling); |
| "Harga Belian" | bermaksud harga yang bersamaan dengan jumlah pembiayaan yang diluluskan oleh pihak Bank seperti yang akan dinyatakan dalam SMS yang dihantar oleh pihak Bank kepada Pemohon serta diperincikan di dalam Notis Kemudahan; |
| "Hari Perniagaan" | bermaksud hari-hari BSN atau institusi kewangan berurus niaga seperti yang dikehendaki dalam Terma dan Syarat ini; |
| "Kadar Asas Standard" | Kadar Asas Standard merujuk kepada kadar rujukan yang ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa bagi menentukan Kadar Keuntungan Efektif bagi kemudahan pembiayaan yang menggunakan kadar keuntungan secara terapung (<i>Floating Profit Rate</i>). Sekiranya terma Kadar Asas Standard tidak lagi digunakan atau terpakai, apa-apa jenis terma baru yang akan digunakan bagi menentukan kadar keuntungan yang ditetapkan oleh Bank kepada Pemohon akan digunakan. |
| "Keterhutangan" | bermaksud Harga Jualan dan termasuk amaun lain yang kena dibayar oleh Pemohon kepada Bank (samada, ta'widh, apa-apa fi, apa-apa perbelanjaan, apa-apa kos termasuk kos guaman atas dasar ganti rugi sepenuhnya dan sebagainya) di bawah terma-terma Terma dan Syarat ini; |
| "Komoditi" | bermaksud barang yang diperdagangkan sama ada minyak sawit mentah, plastik resin, titanium atau mana-mana barang dagangan yang diluluskan oleh Syariah dari semasa ke semasa. |
| "Notis" | bermaksud sebarang notis bertulis atau notis yang dipaparkan melalui medium-medium yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank dari semasa ke semasa termasuk sebarang notis pindaan atau pembetulan di bawah terma-terma Terma dan Syarat ini; |
| "Notis Kemudahan" | bermaksud notis bertulis yang dikeluarkan oleh pihak Bank kepada Pemohon selepas amaun bersih Kemudahan Pembiayaan dibayar kepada Pemohon yang menyatakan terma dan syarat terperinci Pembiayaan serta syarat-syarat tambahan. |
| "Ringgit Malaysia" dan tanda "RM" | bermaksud mata wang Malaysia; |
| " <i>Tawarruq</i> " atau "Komoditi Murabahah" | bermaksud satu bentuk transaksi yang terdiri daripada dua kontrak jual beli di mana transaksi pertama melibatkan penjualan Komoditi secara <i>Murabahah</i> oleh Penjual (Bank) kepada Pembeli (Pemohon) pada Harga Kos (jumlah pembiayaan yang diluluskan) dicampur dengan jumlah keuntungan Bank dengan bayaran secara tertangguh, dan kemudiannya Pembeli (Bank sebagai wakil Pemohon) pada transaksi jualan yang pertama akan menjual Komoditi tersebut kepada pihak ketiga (Pembeli Komoditi) secara tunai; |

| | |
|------------------------|---|
| “Tempoh Pembayaran” | bermaksud tempoh bayaran Harga Jualan sepertimana yang akan dinyatakan dalam SMS yang dihantar oleh BSN kepada Pemohon serta diperincikan di dalam Notis Kemudahan atau notis perubahan yang dihantar mengikut terma-terma Terma dan Syarat ini; dan |
| “Proses Undang-undang” | bermaksud pliding semua jenis proses pemula, permohonan interlokutari atas apa-apa sebab, affidavit perintah dan apa-apa dokumen selain yang disebut di atas yang perlu diserahkan di bawah atau mengikut Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, dan surat-menyurat antara kedua-dua pihak dan Akta Kebankrapan 1967 dan akta-akta dan peraturan-peraturan yang berkaitan dan terpakai bagi apa-apa terma dalam Terma dan Syarat ini. |

3. KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

3.1 PERMOHONAN KEMUDAHAN

Permohonan bagi Kemudahan adalah melalui Borang Permohonan yang lengkap diisi oleh Pemohon bersama dokumen-dokumen tambahan yang dilampirkan dan dihantar kepada pihak Bank bagi proses penilaian dan kelulusan. Melalui Borang Permohonan yang diterima oleh pihak Bank, Pemohon dengan ini bersetuju untuk terikat kepada Terma dan Syarat ini dan sebarang keputusan berhubung permohonan ini adalah tertakluk kepada budi bicara dan kelulusan pihak Bank.

3.2 KELULUSAN DAN PENERIMAAN TAWARAN KEMUDAHAN

Kelulusan bagi permohonan Kemudahan adalah bergantung kepada penilaian latar belakang kredit Pemohon dan tertakluk kepada budi bicara pihak Bank. Butiran terperinci bagi Kemudahan yang diluluskan oleh pihak Bank (termasuk jumlah pembiayaan, kadar keuntungan, tempoh pembiayaan, harga jualan dan lain-lain) akan dimaklumkan kepada Pemohon melalui khidmat Sistem Pesanan Ringkas (SMS) dan Pemohon hendaklah memberi maklumbalas bagi penerimaan atau penolakan dalam masa yang ditetapkan oleh Bank Kemudahan melalui SMS mengikut format yang ditetapkan seperti berikut:-

- Jawapan “**YES**” terhadap SMS bermakna Pemohon menerima tawaran Kemudahan dan pihak Bank akan meneruskan transaksi *Tawarruq*; atau
- Jawapan “**NO**” terhadap SMS atau tiada Jawapan diterima selepas tarikh luput SMS bermakna tawaran Kemudahan ini adalah terbatal tanpa notis

Sekiranya Pemohon memberi maklumbalas “**YES**” terhadap SMS, Pemohon dengan ini bersetuju dan menerima tawaran Kemudahan yang telah diluluskan oleh Bank seperti butiran-butiran yang terkandung di dalam SMS menurut syarat-syarat yang terkandung Terma dan Syarat **dalam www.bsn.com.my pada tarikh penerimaan SMS (Terma & Syarat) termasuk sebarang perubahan/tambahan terma-terma dari semasa ke semasa**. Seterusnya Bank akan meneruskan pelaksanaan transaksi *Tawarruq* bersama Pemohon menurut prosedur pelaksanaan *Tawarruq* sepertimana yang dinyatakan dalam Klausa 4 di bawah.

Sekiranya Bank tidak menerima sebarang maklum balas daripada Pemohon mengikut tempoh masa yang ditetapkan, tawaran Pembiayaan melalui SMS tersebut akan terbatal secara automatik.

3.3 TUJUAN PEMBIAYAAN

Kemudahan di bawah transaksi *Tawarruq* yang diluluskan oleh Bank akan digunakan oleh Pemohon khusus bagi tujuan seperti yang akan dinyatakan dalam SMS yang dihantar oleh pihak Bank kepada Pemohon serta diperincikan di dalam Notis Kemudahan dan hendaklah tidak bercanggah dengan prinsip Syariah.

3.4 ANSURAN BULANAN

- Pemohon hendaklah membayar Ansuran Bulanan mengikut tempoh sepertimana yang akan dinyatakan dalam SMS yang dihantar oleh Bank kepada Pemohon serta cara bayaran diperincikan di dalam Notis Kemudahan.
- Bayaran Ansuran Bulanan pertama akan bermula **pada 5 haribulan** pada bulan berikutnya selepas pengeluaran penuh Pembiayaan oleh Bank dan/atau pada tarikh yang akan diputuskan oleh Bank pada budi bicaranya.
- Ansuran Bulanan bagi bulan-bulan berikutnya hendaklah dibayar pada hari kelima setiap bulan sehingga tamat Tempoh Pembiayaan.
- Sebarang keuntungan terakru sebelum tarikh Bayaran Ansuran Bulanan pertama (jika ada) hendaklah dibayar bersama dengan Ansuran Bulanan terakhir atau pada Penjelasan Awal Pembiayaan atau pada bila-bila masa oleh pihak Pelanggan.
- Pemohon bertanggungjawab untuk membayar Ansuran Bulanan sekiranya cara bayaran yang ditetapkan di Notis Kemudahan tidak dapat dilaksanakan dan/atau lewat dilaksanakan dan/atau terdapat kekurangan potongan Ansuran Bulanan. Setelah Pemohon diberitahu mengenainya melalui apa-apa kaedah yang difikirkan wajar oleh Bank, Pemohon hendaklah membuat bayaran Ansuran Bulanan dan/atau apa-apa bayaran yang perlu dibayar kepada Bank secara tunai di mana-mana cawangan Bank atau melalui mana-mana transaksi yang dibenarkan oleh Bank.
- Sekiranya pembayaran Pembiayaan Pelanggan adalah dibuat melalui potongan gaji dan cara pembayaran Pembiayaan tersebut tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh Pelanggan telah berhenti atau ditamatkan daripada perkhidmatan, bayaran Ansuran Bulanan hendaklah dibuat oleh Pelanggan melalui mana-mana kaedah berikut:-
 - Tunai melalui kaunter di mana-mana cawangan Bank; atau
 - Melalui arahan tetap akaun BSN GIRO-i Pelanggan; atau
 - Melalui arahan tetap daripada institusi kewangan lain; atau
 - Pindahan dana melalui IBG/ pembayaran secara elektronik; atau
 - Mesin Teller Automatik (ATM)/ Mesin Deposit Tunai (CDM)/ perbankan internet MyBSN; atau
 - Mana-mana kaedah lain yang boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- Bank boleh mengubah cara bayaran Ansuran Bulanan dengan memberi notis secara bertulis kepada Pemohon dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh berkuat kuasa perubahan tersebut.

- (h) Bayaran Ansuran Bulanan hendaklah dijelaskan dalam tempoh sebulan dari tarikh ia sepatutnya dibayar. Sekiranya Pemohon gagal membayar Ansuran Bulanan dalam tempoh tersebut Bank boleh mengenakan bayaran ganti rugi (Ta'widh) yang dikira bermula serta merta selepas tarikh Ansuran Bulanan tersebut sehingga ke tarikh bayaran diterima oleh Bank.
- (i) Berikut adalah terma-terma tambahan yang terpakai bagi Pembiayaan BSN MyRinggit-i yang menggunakan kadar keuntungan secara terapung:-
 - (i) Bayaran ansuran bulanan dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif (Effective Profit Rate) dan dinyatakan di dalam SMS yang dihantar kepada Pemohon dan dinyatakan di dalam Notis Kemudahan bagi Kemudahan Pembiayaan MyRinggit-i.
 - (ii) Kadar Keuntungan Efektif adalah bergantung kepada Kadar Asas yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa tertakluk kepada pemberian notis di mana-mana medium yang difikirkan perlu tidak kurang dari dua puluh satu (21) hari notis kepada Pemohon. Pihak Bank berhak untuk menuntut jumlah bayaran ansuran bulanan mengikut Kadar Keuntungan Efektif yang baru dan tertakluk kepada Kadar Keuntungan Efektif tidak akan melebihi Harga Jualan yang dipersetujui.
 - (iii) Sekiranya terdapat perubahan pada Kadar Keuntungan Efektif dengan ansuran bulanan tidak berubah, Pemohon hendaklah membayar jumlah baki tertunggak pada bulan terakhir sebelum tamat tempoh Kemudahan atau di atas permintaan Bank. Pemohon boleh meminta untuk melanjutkan tempoh Kemudahan tertakluk kepada kelulusan dan budibicara Bank untuk menjadualkan semula bayaran baki tertunggak daripada Harga Jualan.

3.5 TEMPOH PEMBIAYAAN

Tempoh Pembiayaan bagi Kemudahan ini akan bermula dari tarikh pengeluaran bagi Kemudahan dibuat sehingga tamat tempoh Kemudahan sepertimana akan dinyatakan dalam SMS yang dihantar oleh Bank kepada Pemohon serta diperincikan di dalam Notis Kemudahan.

3.6 PENGGUNAAN PEMBIAYAAN

Pembiayaan hanya dapat digunakan oleh Pemohon setelah Pemohon mematuhi semua syarat-syarat sebelum pengeluaran wang sepertimana Klausula 12.

4. PRINSIP PEMBIAYAAN

4.1 Konsep Pembiayaan

Pembiayaan ini adalah di bawah prinsip Syariah *Tawarruq* atau Komoditi Murabahah.

4.2 Mekanisme Pembiayaan Di Bawah Prinsip Tawarruq atau Komoditi Murabahah

- (a) Bank atas permintaan Pemohon melalui "Permintaan Pembelian Berserta Aku Janji (*Wa'd*) untuk Membeli" sepertimana terkandung dalam Borang Permohonan ("Permintaan Pembelian"), akan membeli komoditi atau aset yang diluluskan oleh Syariah ("Komoditi") seperti yang dijanjikan di dalam Permintaan Pembelian.
- (b) Pemohon melantik Bank sebagai wakil untuk melaksanakan tugas-tugas berikut:

(i) Lantikan Pertama

Sebagai wakil bagi membeli Komoditi daripada Bank bagi pihak Pemohon melalui "Surat Pelantikan Bank Sebagai Wakil Pembelian" sepertimana terkandung dalam Borang Permohonan;

(ii) Lantikan Kedua

Sebagai wakil bagi menjual Komoditi kepada pembeli-pembeli komoditi bagi pihak Pemohon melalui "Surat Pelantikan Bank Sebagai Wakil Penjualan" sepertimana terkandung dalam Borang Permohonan;

- (c) Setelah tindakan di Klausula 4.2(b)(i) dimuktamadkan, Bank akan menjual komoditi kepada Pemohon atas dasar *Murabahah* pada Harga Jualan yang merangkumi Harga Belian dan Kadar Keuntungan yang dipersetujui dengan kaedah bayaran secara bertangguh. Bank akan bertindak sebagai wakil Pemohon untuk melaksanakan proses pembelian Komoditi daripada Bank.
- (d) Seterusnya Bank bertindak sebagai wakil Pemohon akan menjual Komoditi secara tunai kepada pembeli pihak ketiga pada Harga Belian. Hasil jualan Komoditi tersebut yang bersamaan dengan amaun Pembiayaan (tertakluk kepada sebarang penolakan Bayaran Yang Dikenakan sepertimana yang dinyatakan dalam SMS dan diperincikan dalam Notis Kemudahan) akan dikeluarkan kepada Pemohon mengikut Klausula 12.2 di bawah.
- (e) Bayaran Harga Jualan akan dibuat secara beransur-ansur setiap bulan oleh Pemohon kepada Bank dalam Tempoh Pembiayaan.

4.3 Harga Belian

Harga Belian adalah harga sebenar yang ditanggung oleh Bank dalam membeli Komoditi yang diminta oleh Pemohon melalui Permintaan Pembelian.

4.4 Harga Jualan

- (a) Harga Jualan adalah merangkumi Harga Belian dan Kadar Keuntungan Bank pada Kadar Untung Siling ("CPR") akan dinyatakan dalam khidmat Sistem Pesanan Ringkas (SMS) yang dihantar oleh Bank kepada Pemohon serta diperincikan di dalam Notis Kemudahan.
- (b) Harga Jualan tersebut adalah dikira berdasarkan Harga Belian iaitu jumlah pembiayaan yang diluluskan ditambah dengan Kadar Keuntungan Bank (dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Siling (Ceiling Profit Rate) dan merupakan jumlah keseluruhan yang akan dibayar oleh Pemohon secara tertangguh.
- (c) Walaupun CPR telah ditetapkan oleh Bank, Bank membenarkan bayaran Harga Jualan secara ansuran berdasarkan Kadar Untung Efektif ("EPR"). Bank akan memberikan *Ibra'* (rebat) bagi perbezaan kadar CPR dan EPR (jika ada).

4.5 Bidang Kuasa Perwakilan

- (a) Pelantikan Bank sebagai wakil Pemohon seperti di Klausula 4.2(b) di atas adalah tanpa bersyarat dan tidak boleh dibatalkan.

- (b) Bank diberi kuasa untuk melaksanakan dan menyerahkan apa-apa dokumen atau instrumen yang difikirkan perlu oleh Bank dalam pelaksanaan obligasinya seperti yang dinyatakan di Klausula 4.2(b) di atas.
- (c) Bank akan berusaha untuk memastikan hasil daripada jualan Komoditi seperti yang dinyatakan di Klausula 4.2(b)(ii) adalah tidak kurang daripada Harga Belian Bank.
- (d) Tanpa menjejaskan keluasan makna Klausula 4.2(b) di atas, Pemohon mengakui bahawa di bawah pengaturcaraan antara Bank dengan mana-mana pembeli komoditi atau pembekal atau pihak ketiga, Bank mungkin dikehendaki (dan Pemohon bersetuju bahawa Bank boleh) mendedahkan bahawa Bank bertindak sebagai wakil Pemohon dan menamakan Pemohon sebagai prinsipalnya.
- (e) Pemohon bersetuju bahawa Bank diberi kuasa untuk menyenggara akaun atau beberapa akaunnya dengan Bank bagi pihak Pemohon untuk memudahkan Pemohon membayar amaun Pembiayaan (jika berkenaan).
- (f) Bank mengakui dan mengesahkan bahawa semua hasil daripada jualan Komoditi seperti yang dinyatakan di Klausula 4.2(b)(ii) akan dikreditkan ke dalam akaun Pemohon dengan Bank dan/atau mana-mana akaun yang dibenarkan oleh Pemohon. Pemohon hendaklah melakukan segala perkara yang perlu bagi tujuan pelaksanaan peruntukan Pembiayaan ini.

4.6 Takat Agensi

- (a) Berhubungan dengan kuasa, budi bicara dan tugasnya di bawah Pembiayaan ini, Bank akan bertindak semata-mata sebagai wakil Pemohon setakat yang diperuntukkan secara nyata di bawah Pembiayaan ini dan tidak akan dianggap sebagai wakil Pemohon dalam apa-apa perkara yang lain.
- (b) Pelantikan Bank sebagai wakil pembelian di bawah Pembiayaan ini akan berkuat kuasa dari tarikh pelantikan tersebut dan akan berakhir apabila keseluruhan tugas dan tanggungjawab Bank sebagai wakil pembelian sepertimana yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini selesai.
- (c) Pelantikan Bank sebagai wakil penjualan di bawah Pembiayaan ini akan berkuat kuasa dari tarikh pelantikan tersebut dan akan berakhir apabila keseluruhan tugas dan tanggungjawab Bank sebagai wakil penjualan sepertimana yang dinyatakan dalam Surat Tawaran ini selesai.

4.7 Penyerahan Hak milik

- (a) Komoditi akan dijual kepada Pemohon atas dasar sedia ada. Setelah selesai transaksi seperti yang dinyatakan di Klausula 4.2(b)(i), pemilikan dan pemunyaan Komoditi beserta dengan hak, kepentingan, manfaat dan liabilitinya akan serta merta dipindah milik kepada Pemohon.
- (b) Walaupun milikan fizikal Komoditi boleh dan mampu diserahkan kepada Pemohon, Pemohon mengakui bahawa milikan fizikal Komoditi tidak diperlukan untuk transaksi di bawah Pembiayaan ini. Sekiranya Pemohon

berhasrat untuk mengambil milikan fizikal Komoditi tersebut, Pemohon mengaku janji untuk memaklumkan Bank melalui notis awal sebelum transaksi jualan dilakukan oleh Bank dan akan bertanggungjawab penuh ke atas segala perbelanjaan, kos dan caj berkenaan pengambilan milikan fizikal Komoditi tersebut.

- (c) Berdasarkan konsep pemilihan kerana kecacatan (*khiyar al-'ayb*), Pemohon boleh meminta pampasan untuk sebarang kecacatan terhadap Komoditi. Walau bagaimanapun, Pemohon dan Bank bersetuju untuk Bank menyerahkan haknya kepada Pemohon bagi meminta pampasan berkenaan daripada penjual Komoditi secara langsung.
- (d) Sekiranya Bank membeli Komoditi daripada penjual Komoditi, Pemohon mempunyai hak ke atas semua waranti berkenaan dengan Komoditi tersebut daripada penjual Komoditi. Bank tidak akan memberi Pemohon sebarang waranti berkenaan dengan Komoditi tersebut.

4.8 Aku Janji (Wa'd)

Melalui Permintaan Pembelian, Pemohon beraku janji berdasarkan prinsip Syariah *Wa'd Mulzim* untuk membeli Komoditi daripada Bank dengan Harga Jualan mengikut peruntukan dalam Terma dan Syarat ini. Pemohon bersetuju bahawa transaksi-transaksi di bawah Pembiayaan ini akan dilaksanakan tertakluk Pemohon tidak membatalkan Permintaan Pembelian tersebut.

4.9 Kerahsiaan

Tertakluk kepada Klausula 4.5(d) di atas dan Klausula 29.1 Bahagian 2, kandungan klausula ini dan transaksi-transaksi seperti yang dinyatakan di Klausula 4.2(b)(i) dan (ii) hendaklah dirahsiakan oleh pihak-pihak terlibat sepanjang Pembiayaan ini dan selepas penamatannya, kecuali bagi perkara-perkara yang menjadi pengetahuan umum selain daripada melalui kesalahannya pihak-pihak terlibat dan melainkan sekiranya diperlukan melalui perintah mahkamah atau pihak berkuasa mentadbir yang mempunyai bidang kuasa.

5. SYARAT KELULUSAN

5.1 Tawaran ini adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

- (a) Pemohon bukan seorang bankrap;
- (b) jumlah potongan gaji Pemohon termasuk potongan Ansuran Bulanan bagi bayaran ansuran Pembiayaan tidak melebihi had yang ditetapkan oleh Bank; dan
- (c) Pemohon telah mengemukakan segala dokumen yang diperlukan oleh Bank.

5.2 Tawaran ini akan dianggap batal sekiranya Pemohon gagal melepasi syarat kelulusan di atas.

6. BAYARAN GANTI RUGI (TA'WIDH)

Sekiranya Pemohon gagal menjelaskan mana-mana bayaran Ansuran Bulanan dalam tempoh yang ditetapkan, Pemohon akan dikenakan bayaran ganti rugi (*Ta'widh*) seperti berikut;

(a) Ganti rugi Bayaran Lewat (Sepanjang Tempoh Pembiayaan)

Terma dan Syarat Kemudahan Pembiayaan BSN MyRinggit-i
[032025]

Ganti rugi yang dikira pada kadar tidak melebihi satu peratus (1%) setahun ke atas jumlah tertunggak. Bayaran ganti rugi (*Ta'widh*) hendaklah dikira bermula dari tarikh Ansuran Bulanan tersebut sehingga ke tarikh bayaran diterima oleh Bank. Kadar yang dikenakan oleh Bank tidak boleh digandakan ke atas ansuran tertunggak.

(b) Ganti rugi Bayaran Lewat (Selepas Tempoh Pembiayaan)

Ganti rugi yang dikira pada kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam (*Islamic Interbank Money Market* (IIMM)) ke atas jumlah yang tertunggak bermula dari tarikh tamat Tempoh Pembiayaan sehingga tarikh penyelesaian sepenuhnya diterima oleh Bank. Kadar yang dikenakan oleh Bank tidak boleh digandakan ke atas baki Harga Jual tertunggak.

7. KADAR MUNGKIR (DEFAULT RATE) (JIKA BERKENAAN)

7.1 Sekiranya Pelanggan gagal membayar Ansuran Bulanan untuk tempoh tiga (3) bulan berturut-turut, Bank boleh mengurangkan kadar *Ibra'* di mana kadar keuntungan yang akan dikenakan adalah pada kadar **KAS + Tiga Perpuuluh Dua peratus (3.2%) ATAU Tambahan Satu peratus (1%) setahun ke atas EPR semasa (yang mana lebih tinggi)** yang dikira ke atas baki pokok Pembiayaan bermula serta-merta selepas tarikh kemungkiran tersebut sehingga berakhir Tempoh Pembiayaan tertakluk kadar mungkir tidak akan melebihi CPR ("**Kadar Mungkir**").

7.2 Setelah pengurangan kadar *Ibra'*, Ansuran Bulanan yang perlu dibayar bagi baki Tempoh Pembiayaan adalah dipinda sewajarnya selaras dengan Kadar Mungkir.

7.3 Bank boleh menyemak kembali pemberian *Ibra'* dan mengembalikan Kadar Keuntungan kepada EPR semasa setelah Pelanggan:

(a) membuat penyelesaian penuh semua amaun tertunggak termasuk apa-apa caj lain; dan

(b) membayar Ansuran Bulanan mengikut masa yang ditetapkan berdasarkan Kadar Mungkir, sepanjang tempoh enam (6) bulan berikutnya secara berturut-turut.

8. AKAUN PEMBIAYAAN

8.1 Bank akan membuka akaun pembiayaan selepas Pemohon menyempurnakan penerimaan tawaran Pembiayaan melalui SMS ("**Akaun Pembiayaan**").

8.2 Segala transaksi berhubung Pembiayaan ini akan direkodkan di dalam Akaun Pembiayaan;

8.3 Penyata akaun bertulis yang menyatakan butir-butir transaksi atau amaun perlu dibayar di bawah Akaun Pembiayaan akan dihantar oleh Bank kepada Pemohon setiap tahun dan ia dianggap muktamad melainkan Bank diberitahu oleh Pemohon atas kesilapannya dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyata tersebut dikeluarkan.

9. PENJELASAN AWAL PEMBIAYAAN

9.1 Pemohon boleh membuat penjelasan awal atau penebusan keseluruhan Pembiayaan pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis secara bertulis kepada Bank.

9.2 Bank boleh mengenakan caj penjelasan awal (kos guaman dan perbelanjaan-perbelanjaan lain yang dikeluarkan oleh

Bank di bawah Pembiayaan ini) sekiranya pada masa penjelasan awal atau penebusan keseluruhan tersebut, Bank masih belum mendapat balik kos awal (initial cost) Pembiayaan ini serta apa-apa kos sebenar yang berbangkit akibat daripada penjelasan awal atau penebusan tersebut. Pengenaan caj penjelasan awal ini adalah mengikut kaedah-kaedah yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

10. IBRA' (REBAT)

10.1 *Ibra'* bermaksud rebat atau pengurangan dalam jumlah keseluruhan atau sebahagian Harga Jual yang perlu dibayar yang diberikan oleh Bank kepada Pemohon.

10.2 Bank akan memberikan *Ibra'* kepada Pemohon bagi penjelasan awal dalam keadaan-keadaan berikut:

(a) Penjelasan awal Harga Jual;

(b) Penjelasan awal Harga Jual melalui cara penstrukturan semula Pembiayaan;

(c) Penjelasan penuh sebelum tempoh matang setelah berlaku Kejadian Ingkar oleh Pemohon; atau

(d) Penjelasan awal oleh Pemohon melalui penamatan atau pembatalan Pembiayaan sebelum tempoh matangnya.

10.3 *Ibra'* di sub-klausa 10.2(a) hingga (d) di atas dikira dengan formula berikut:

Ibra' = *untung belum terakru* - *caj penjelasan awal (jika ada)*

10.4 Jika berkenaan, *Ibra'* untuk penjelasan awal oleh Pemohon disebabkan oleh penamatan atau pembatalan Pembiayaan sebelum tempoh matangnya di mana Pembiayaan belum dikeluarkan sepenuhnya adalah dikira dengan formula berikut:

Ibra' = *untung belum terakru* + *jumlah Pembiayaan yang belum dikeluarkan* - *caj penjelasan awal (jika ada)*

10.5 Tanpa menjejaskan peruntukan di Klausa 10.2, Klausa 10.3 dan Klausa 10.4 di atas, Bank juga boleh di atas budi bicaranya memberi *Ibra'* kepada Pemohon dalam keadaan-keadaan yang lain.

11. BAYARAN YANG DIKENAKAN

11.1 Pemohon perlu menjelaskan semua bayaran dan caj berkenaan dengan Pembiayaan ini seperti yang dinyatakan di SMS dan diperincikan dalam Notis Kemudahan ("**Bayaran yang Dikenakan**").

11.2 Untuk tujuan tersebut, Pemohon membenarkan dan memberi kuasa kepada pihak Bank untuk menolak Bayaran yang Dikenakan dari amaun Pembiayaan sebelum pengeluaran Pembiayaan kepada Pemohon dilaksanakan berdasarkan Klausa 12.2 di bawah.

12. PENGELUARAN PEMBIAYAAN

12.1 Pengeluaran Pembiayaan adalah tertakluk kepada syarat-syarat pengeluaran Pembiayaan berikut dipenuhi:

(a) Prasyarat yang dinyatakan di bawah telah dipenuhi oleh Pemohon:

(i) Pihak Bank menerima jawapan "YES" daripada Pemohon sepertimana klausa 3.2(a) di atas

Terma dan Syarat Kemudahan Pembiayaan BSN MyRinggit-i
[032025]

Mukasurat 5 / 19

- melalui khidmat SMS yang dihantar daripada nombor telefon sepertimana yang dinyatakan dalam Borang Permohonan dan setelah pihak Bank (sebagai wakil kepada Pemohon) melaksanakan transaksi akad jualan Komoditi tersebut kepada Pembeli Komoditi pada Harga Kos secara tunai;
- (ii) Sebagai sekuriti untuk pembayaran jumlah perlu dibayar di bawah Pembiayaan ini kepada Bank, Pemohon dan/atau pihak-pihak lain yang berkaitan (jika berkenaan) hendaklah menyempurnakan Terma dan Syarat ini dan apa-apa dokumen sekuriti lain yang berkenaan dan salinan asal dokumen-dokumen tersebut yang telah disempurnakan telah diserahkan kepada Bank untuk simpanan;
 - (iii) Pemohon dan dan/atau majikan Pemohon dan/atau pihak-pihak lain yang berkaitan (jika berkenaan) telah melengkapkan dan menandatangani borang arahan potongan gaji dan mengembalikannya kepada Bank untuk bayaran Ansuran Bulanan secara potongan gaji (jika berkenaan);
 - (iv) Pemohon telah membuka Akaun Pembiayaan di mana Pembiayaan akan dikreditkan, melengkapkan Borang Arahan Tetap Akaun Pembiayaan dan mengembalikannya kepada Bank untuk bayaran ansuran cara potongan terus (autodebit) (jika berkenaan);
 - (v) Pemohon telah menandatangani wasiat am yang disediakan oleh syarikat pemegang amanah dan perwarisan dan dokumen-dokumen berkaitan perlindungan takaful (jika berkenaan);
 - (vi) Carian telah dibuat terhadap Pemohon dan/atau pihak-pihak lain yang berkaitan (jika berkenaan) di Jabatan Insolvensi Malaysia. Sekiranya hasil carian tidak didapati, akaun berkanun hendaklah dibuat dan dikemukakan oleh Pemohon dan/atau pihak-pihak lain yang berkaitan (jika berkenaan) kepada Bank untuk mengesahkan bahawa dia bukan bankrap dan tiada prosiding kebangkrapan diambil terhadapnya;
 - (vii) Pemohon telah membayar kepada Bank duti setem, fi pendaftaran dan lain-lain caj dan pembayaran berkaitan penyempurnaan Terma dan Syarat ini dan apa-apa dokumen sekuriti lain yang berkenaan;
 - (viii) Lain-lain prasyarat seperti yang disenaraikan di dalam Terma dan Syarat ini, Notis Kemudahan dan apa-apa dokumen sekuriti lain yang berkenaan hendaklah dipatuhi;
 - (ix) Bank telah menerima apa-apa dokumen-dokumen lain yang diperlukan oleh Bank dari semasa ke semasa (jika berkenaan); dan
 - (x) Apa-apa syarat lain yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa (jika berkenaan).
- (b) Tiada Kejadian Ingkar berlaku di bawah Terma dan Syarat ini, Notis Kemudahan dan/atau apa-apa dokumen sekuriti lain yang berkenaan yang menyebabkan Pembiayaan ini menjadi perlu dibayar dengan serta merta dan tiada apa-apa pemungkiran telah dan masih berlaku di bawah apa-apa dokumen dan perjanjian yang berkaitan dengan Pembiayaan ini;
 - (c) Pemohon tidak melakukan apa-apa pemungkiran di bawah sebarang dokumen di mana Pemohon merupakan pihak atau terikat. Tiada litigasi, arbitrase, atau prosiding yang sedang atau akan berlangsung di mana litigasi, arbitrase, atau prosiding tersebut boleh (menurut pendapat Bank) menjejaskan kesolvenan Pemohon atau mungkin menjejaskan kelayakan Pemohon untuk melaksanakan obligasinya di bawah Terma dan Syarat ini, Notis Kemudahan dan/atau Dokumen Sekuriti yang berkenaan;
 - (d) Setiap representasi dan waranti yang dinyatakan dalam Klausula 20.1 kekal tepat dan benar pada tarikh pengeluaran Pembiayaan ini;
 - (e) Tiada keadaan luar biasa telah berlaku yang menyebabkan ianya mustahil (menurut pendapat Bank) bagi Pembiayaan ini untuk dilaksanakan atau berlakunya keadaan yang menjejaskan kemampuan Pemohon untuk melaksanakan obligasinya di bawah Terma dan Syarat ini;
 - (f) Tiada perubahan penting telah berlaku dalam keadaan kewangan Pemohon yang mungkin akan menjejaskan kemampuannya untuk memenuhi obligasi di bawah Terma dan Syarat ini; dan
 - (g) Pemohon telah mendedahkan kepada Bank semua maklumat penting yang berkaitan dengan keadaan kewangannya.
- 12.2 Pembiayaan setelah ditolak Bayaran yang Dikenakan akan dikeluarkan dengan cara berikut:**
- (a) mengkreditkan sepenuhnya atau sebahagian daripada baki Pembiayaan ke dalam akaun simpanan BSN Giro atau Giro-i Pemohon ("akaun BSN Giro-i"); atau
 - (b) Lain-lain cara yang dipohon oleh Pemohon dan yang dipersetujui oleh Bank mengikut budi bicaranya.
- Tanpa menjejaskan hak Bank di bawah Klausula 12.1(a) di atas, Bank boleh mengetepikan mana-mana Prasyarat yang dikenakan ke atas Pemohon. Penepian tersebut tidak menghalang Bank dari menuntut Pemohon untuk memenuhi mana-mana atau semua syarat yang dikecualikan dalam tempoh yang dimaklumkan oleh Bank kepada Pemohon. Tiada penepian terhadap sebarang prasyarat kecuali setakat yang diperuntukkan dengan jelas dalam penepian tersebut.
- 13. LEBIHAN BAYARAN**
- Sebarang lebihan bayaran (jika ada) akan diselaraskan dengan sewajarnya dan akan dikembalikan kepada Pemohon selepas Pemohon menamatkan Tempoh Pembiayaan atau selepas Pemohon membuat penjelasan keseluruhan Pembiayaan.

14. WASIAT (JIKA BERKENAAN)

- 14.1 Sebagai langkah membantu Pemohon mengendalikan harta, Bank telah bekerjasama dengan syarikat pemegang amanah dan perwarisan yang berkenaan untuk membolehkan Pemohon membuat wasiat am serentak dengan pemberian Pembiayaan ini.
- 14.2 Sebarang urusan berkaitan wasiat am tersebut hendaklah dirujuk kepada syarikat pemegang amanah dan perwarisan tersebut.
- 14.3 Sekiranya Pemohon bersetuju dengan klausa di atas, fi wasiat seperti yang dinyatakan dalam SMS dan diperincikan dalam Notis Kemudahan, akan dikenakan dan ditolak daripada amaun Pembiayaan.

15. TAKAFUL (JIKA BERKENAAN)

15.1 Skim Perlindungan Takaful (jika berkenaan)

- (a) Pemohon diberi pilihan untuk mengambil skim perlindungan takaful. Sekiranya Pemohon bersetuju untuk mengambil skim perlindungan takaful tersebut, bayaran sumbangan perlindungan takaful seperti di SMS dan diperincikan dalam Notis Kemudahan akan ditolak terus dari amaun Pembiayaan.
- (b) Bayaran sumbangan perlindungan takaful adalah tertakluk kepada amaun Pembiayaan dan had umur berdasarkan terma dan syarat yang ditetapkan oleh syarikat takaful yang diluluskan oleh Bank.
- (c) Pemohon hendaklah menamakan Bank sebagai benefisiari yang akan menerima manfaat bagi skim perlindungan takaful tersebut. Untuk mengelakkan keraguan, sekiranya Pemohon meninggal dunia;
- (i) sekiranya wang yang diterima di bawah skim perlindungan takaful tidak mencukupi untuk membayar Ansuran Bulanan atau apa-apa liabiliti Pemohon, waris atau penerima serahan hak Pemohon hendaklah menjelaskan sepenuhnya jumlah yang masih perlu dibayar;
- (ii) sekiranya wang yang diterima di bawah skim perlindungan takaful melebihi liabiliti Pemohon, maka lebihan tersebut akan dipulangkan kepada waris atau penerima serahan hak Pemohon.

15.2 Skim Ikhlas Group PA Takaful (jika berkenaan)

- (a) Sebagai langkah melindungi harta/nyawa Pemohon, Bank telah bekerjasama dengan syarikat takaful yang berkenaan untuk membolehkan Pemohon mendapatkan skim perlindungan serentak dengan pemberian Pembiayaan ini ("**Ikhlas Group PA Takaful**").
- (b) Sebarang urusan berkaitan skim Ikhlas Group PA Takaful termasuk urusan pembayaran sumbangan skim perlindungan tersebut hendaklah dirujuk kepada syarikat takaful yang berkenaan kecuali dinyatakan sebaliknya.
- (c) Sekiranya Pemohon bersetuju mengambil skim Ikhlas Group PA Takaful, bayaran sumbangan skim perlindungan tersebut seperti yang dinyatakan di SMS

dan diperincikan dalam Notis Kemudahan iaitu sekali pembayaran untuk lima (5) tahun pertama perlindungan akan ditolak dari amaun Pembiayaan.

16. PERBELANJAAN PENDAHULUAN BANK

Segala perbelanjaan sebenar yang ditanggung oleh Bank berkaitan Pembiayaan ini untuk menyempurnakan dokumen-dokumen (termasuk duti setem) dan/atau menguatkuasakan hak-haknya akan ditanggung oleh Pemohon. Perbelanjaan tersebut akan didebitkan ke Akaun Pembiayaan atau perlu dijelaskan oleh Pemohon dalam tempoh yang ditetapkan atau atas tuntutan Bank.

17. NOTIS

17.1 Segala urusan surat menyurat atau apa-apa notis atau komunikasi di antara pihak-pihak di bawah Pembiayaan ini hendaklah secara bertulis dan diserahkan menggunakan alamat/maklumat terakhir yang diketahui pihak-pihak tersebut dan akan dianggap telah diserahkan:

- (a) sekiranya melalui serahan tangan, pada masa ia diterima dalam bentuk yang boleh dibaca;
- (b) sekiranya melalui pos biasa atau pos berdaftar, selepas tiga (3) hari ia diposkan;
- (c) sekiranya melalui e-mel, dua puluh empat (24) jam selepas penghantaran tertakluk tiada sebarang pemberitahuan ia gagal dihantar.

17.2 Penyampaian semua proses undang-undang oleh Bank kepada Pemohon di bawah Pembiayaan ini hendaklah melalui serahan tangan atau pos berdaftar ke alamat terakhir Pemohon dalam rekod Bank. Ia akan dianggap telah diserahkan sekiranya melalui serahan tangan, pada masa ia diterima dalam bentuk yang boleh dibaca dan sekiranya melalui pos berdaftar, selepas tiga (3) hari ia diposkan.

17.3 Pemohon bersetuju untuk memaklumkan dengan segera kepada Bank secara bertulis dan/atau melalui lain-lain saluran yang disediakan oleh Bank sebarang pertukaran alamat surat-menyurat dan/atau nombor telefon dan/atau nombor faksimili dan/atau alamat emel Pemohon. Sebarang notis akan dihantar ke alamat/maklumat terakhir yang diketahui oleh Bank dan Bank tidak bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang pertikaian yang timbul akibat dari kegagalan Pemohon untuk mengemaskini maklumat tersebut

18. SEKATAN DI BAWAH AKTA INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN 2002 (AIKP)

18.1 Kelulusan dan operasi skim ini adalah tertakluk kepada syarat bahawa Pemohon dan/atau isteri/suami dan/atau anak-anak dan/atau ibu bapa Pemohon bukan seorang pengarah atau pegawai atau kakitangan Bank;

18.2 Sekiranya Pemohon dan/atau isteri/suami dan/atau anak-anak dan/atau ibu bapa Pemohon dilantik sebagai pengarah, pegawai atau kakitangan Bank pada masa hadapan, Pemohon bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Bank bahawa Pemohon mempunyai pembiayaan kewangan di Bank ini; dan

18.3 Bank boleh menghendaki Pemohon menjelaskan baki keseluruhan Harga Jualan dan lain-lain liabiliti Pemohon sekiranya berlaku pelanggaran Klausa 18.1 dan 18.2 di atas.

19. PENZAHIRAN MAKLUMAT

19.1 Penzahiran kepada pihak berkuasa dan di bawah undang-undang

Pemohon membenarkan Bank, pegawai dan ejen Bank untuk menzahirkan apa-apa maklumat berkaitan Pemohon (termasuk mana-mana data peribadi) dan maklumat berkaitan dengan akaun dan urusan Pemohon dengan Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada butiran Pembiayaan ini atau pembiayaan lain yang telah ataupun akan diberikan oleh Bank kepada Pemohon), mana-mana dokumen sekuriti dan transaksi-transaksi yang berkaitan kepada semua atau mana-mana pihak berikut:-

- (a) mana-mana cawangan Bank;
- (b) Bank Negara Malaysia;
- (c) Sistem Rujukan Maklumat Kredit Berpusat ("**CCRIS**") yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau kepada mana-mana penguat kuasa atau badan yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia;
- (d) mana-mana orang dan/atau pihak yang mana pihak Bank tertakluk kepada tanggungjawab untuk membuat penzahiran di bawah mana-mana undang-undang, peraturan-peraturan dan/atau garis panduan yang mengikat Bank atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank;
- (e) mana-mana bank atau institusi kewangan yang Pemohon mempunyai atau berhasrat untuk berurusan;
- (f) juruaudit-juruaudit Bank, peguamcara atau mana-mana badan profesional lain yang diperakui oleh Bank untuk membuat penzahiran;
- (g) mana-mana pihak ketiga untuk urusan berkaitan dengan Pembiayaan ini.

Pemohon dengan ini secara nyata bersetuju pendedahan tersebut dan mengesahkan dan mengisytiharkan bahawa terma-terma yang terkandung di dalamnya hendaklah tertakluk kepada Polisi Privasi yang boleh diakses di laman web Bank www.bsn.com.my. Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan di antara terma yang terkandung di sini dengan terma yang dinyatakan dalam Polisi Privasi, terma dan syarat di dalam Polisi Privasi akan diguna pakai.

Pemohon dengan ini mengakui bahawa Pemohon mempunyai hak untuk menarik balik kebenaran yang telah diberikan mengikut proses yang dinyatakan dalam Polisi Privasi yang boleh diakses di laman web Bank www.bsn.com.my. Walaubagaimanapun, penarikan balik kebenaran Pemohon boleh menjejaskan perkhidmatan yang diberikan oleh Bank kepada Pemohon. Dalam keadaan itu, Bank mempunyai hak untuk tidak menyediakan atau berhenti menyediakan mana-mana produk, perkhidmatan, akaun dan/atau kemudahan yang dikaitkan dengan maklumat tersebut dengan memberikan notis kepada Pemohon.

19.2 Penzahiran kepada Subsidiari

Pemohon membenarkan Bank untuk menzahirkan apa-apa maklumat berkaitan dengan Pemohon dan Pembiayaan ini (termasuk akaun sedia ada dan/atau akaun akan datang) dengan Bank kepada mana-mana subsidiari Bank pada masa kini atau pada masa akan datang. Subsidiari tersebut juga dibenarkan untuk membuat penzahiran tersebut kepada Bank atau sesama anak syarikat dan subsidiari lain. Kebenaran ini tertakluk kepada penzahiran tersebut dimaklumkan oleh Bank kepada Pemohon melalui apa-apa cara yang difikirkan patut. Pemohon boleh menarik balik kebenaran tersebut pada bila-bila masa dengan mengikut proses yang dinyatakan dalam Polisi Privasi yang boleh diakses di laman web Bank www.bsn.com.my.

19.3 Penzahiran kepada Pihak Ketiga

Penzahiran maklumat Pemohon (tidak termasuk maklumat berkaitan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan Akaun Pembiayaan) kepada mana-mana pihak ketiga adalah tertakluk kepada persetujuan nyata Pemohon terhadap perkara tersebut. Pemohon boleh menarik balik persetujuan tersebut pada bila-bila masa dengan mengikut proses yang dinyatakan dalam Polisi Privasi yang boleh diakses di laman web Bank www.bsn.com.my.

20. REPRESENTASI DAN WARANTI

20.1 Pemohon mengakui bahawa Bank telah menandatangani Terma dan Syarat ini dengan kepercayaan penuh terhadap representasi dan waranti yang diberikan oleh Pemohon seperti berikut:

- (a) **Status:** Pemohon adalah warganegara Malaysia, cukup umur, waras dan mempunyai keupayaan di sisi undang-undang untuk menandatangani Terma dan Syarat ini
- (b) **Kebankrapan:** Pemohon dan/atau pihak-pihak lain yang berkaitan tidak bankrap atau melakukan tindakan kebangkrapan;
- (c) **Tiada Pelanggaran:** pelaksanaan dan penyampaian Terma dan Syarat ini dan/atau mana-mana obligasi di bawah Pembiayaan ini tidak akan bercanggah atau menjadi kesalahan di bawah mana-mana undang-undang;
- (d) **Persetujuan:** tiada kebenaran atau persetujuan (atau yang seakan dengannya) diperlukan bagi memastikan kesahihan dan penguatkuasaan obligasi Pemohon atau hak-hak Bank di bawah Terma dan Syarat ini;
- (e) **Tiada Kemungkiran:** tiada peristiwa telah berlaku yang menyebabkan kemungkiran di bawah mana-mana perjanjian di mana Pemohon atau mana-mana aset kepunyaannya adalah terikat;
- (f) **Litigasi:** tiada litigasi atau mana-mana prosiding yang sedang atau akan berlangsung yang memberi kesan terhadap aset Pemohon atau keupayaan Pemohon untuk melaksanakan obligasinya di bawah Terma dan Syarat ini;

- (g) **Liabiliti Cukai:** semua pulangan cukai yang perlu dibayar telah dibayar oleh Pemohon kepada penguat kuasa cukai berkaitan dan Pemohon tidak memungkir pembayaran apa-apa cukai;
- (h) **Maklumat:** semua maklumat yang diberikan oleh Pemohon berhubung dengan Pembiayaan ini tidak mengandungi sebarang pernyataan yang tidak benar atau meninggalkan apa-apa fakta yang mungkin mengelirukan Bank;
- (i) **Penzahiran:** Pemohon telah menzahirkan sepenuhnya semua fakta berkaitan dengan Pemohon yang penting dan perlu untuk dizahirkan kepada Bank di bawah Terma dan Syarat ini;
- (j) **Tiada Penentangan:** penawaran Pemohon ini oleh Bank tidak akan menyebabkan Bank melanggar apa-apa undang-undang yang mengikat Bank.
- (k) **Penerimaan Tawaran Pembiayaan melalui SMS:**
- (i) Pemohon menyempurnakan penerimaan tawaran Pembiayaan mengikut Klausula 4 Terma dan Syarat ini melalui SMS daripada nombor telefon bimbit milik Pemohon sepertimana yang diberikan oleh Pemohon kepada Bank sepertimana yang dinyatakan dalam Borang Permohonan;
- (ii) Nombor telefon bimbit didaftarkan oleh Pemohon kepada Bank adalah nombor telefon bimbit atas nama Pemohon sahaja dan Pemohon akan memberi jawapan dan/atau arahan melalui SMS atas kapasitinya sendiri;
- (iii) Setiap jawapan dan/atau arahan melalui SMS dari nombor telefon bimbit Pemohon adalah dianggap sebagai merupakan jawapan dan arahan dari Pemohon sendiri tanpa perlu pengesahan lanjut dibuat oleh Bank. Pemohon adalah juga bersetuju untuk bertanggung kepada Bank ke atas melaksanakan Prosedur Pelaksanaan transaksi jualan komoditi oleh Bank melalui jawapan dan arahan yang diterima oleh Bank dari Pemohon melalui SMS tersebut;
- (iv) Pemohon hendaklah memastikan nombor telefon bimbit Pemohon aktif, tidak berada diluar kawasan liputan servis bagi rangkaian telefon dan masih dalam rangkaian perkhidmatan telefon bagi tempoh Prosedur Pelaksanaan dan Terma dan Syarat ini;
- (i) liabiliti yang tertakluk kepada lien atau hak untuk mengimbangi (*set off*) dan amaun agregat yang tidak penting; dan
- (ii) liabiliti yang diberi keutamaan hanya oleh undang-undang Malaysia.
- (b) **Persetujuan:** Pemohon akan menyerahkan kepada Bank salinan sah apa-apa kelulusan atau kebenaran (atau yang seakan dengannya) bagi memastikan kesahihan, penguatkuasaan atau keutamaan liabiliti dan obligasi Pemohon atau hak Bank di bawah Terma dan Syarat ini;
- (c) **Kemungkiran:** jika Pemohon menyedari berlakunya Kejadian Ingkar, Pemohon hendaklah dengan segera memberitahu Bank secara bertulis dan memberi butiran penuh kepada Bank akan langkah yang diambil bagi memulihkan atau mengurangkan kesan Kejadian Ingkar tersebut;
- (d) **Notis:** Pemohon akan memberitahu Bank dengan segera secara bertulis:
- (i) Sebarang perubahan penting dalam keadaan Pemohon (kewangan atau sebaliknya) dan mengenai apa-apa tindakan undang-undang atau prosiding lain terhadap Pemohon yang mungkin memberi kesan kepada keupayaannya untuk melaksanakan obligasi di bawah Pembiayaan ini. Semua notis tersebut hendaklah diberi kepada Bank tidak melebihi empat belas (14) hari selepas Pemohon mengetahui akan keadaan berkenaan;
- (ii) Sebarang kemungkiran obligasi Pemohon di bawah Terma dan Syarat ini;
- (e) **Pematuhan:** Pemohon hendaklah membayar tepat pada masa yang ditetapkan di bawah Terma dan Syarat ini semua amaun yang perlu dibayar di bawah Pembiayaan ini;
- (f) **Maklumat:** Pemohon hendaklah menyerahkan dengan segera semua maklumat yang diminta oleh Bank; dan
- (g) **Tujuan:** Pemohon hendaklah menggunakan Pembiayaan ini bagi tujuan yang patuh Syariah seperti yang akan dinyatakan dalam SMS yang dihantar oleh pihak Bank kepada Pemohon serta diperincikan di dalam Notis Kemudahan.

20.2 Representasi dan waranti yang dinyatakan dalam Klausula 20.1 di atas akan terus berkuat kuasa walaupun Pembiayaan ini telah selesai.

21. AKU JANJI

Pemohon mengaku janji dengan Bank bahawa dari tarikh Terma dan Syarat ini sehingga semua liabilitinya di bawah Terma dan Syarat ini telah dilepaskan:

- (a) **Taraf:** liabiliti Pemohon di bawah Terma dan Syarat ini adalah setaraf dengan semua liabiliti dijamin dan/atau tidak dijamin yang lain, selain daripada:

22. KEJADIAN INGKAR

22.1 Perkara-perkara berikut sekiranya berlaku adalah kejadian ingkar di bawah Pembiayaan ini ("**Kejadian Ingkar**"):

- (a) **Gagal Bayar:** Pemohon gagal membayar mana-mana amaun yang perlu dibayar di bawah Terma dan Syarat ini pada tarikh patut dibayar atau atas tuntutan Bank (samada dituntut secara rasmi atau tidak);
- (b) **Kemungkiran Obligasi:** Pemohon gagal untuk melaksanakan mana-mana obligasinya di bawah Terma dan Syarat ini dan/atau apa-apa dokumen sekuriti lain yang berkenaan (selain seperti yang dinyatakan di Klausula 22.1(a) di atas). Dalam keadaan

di mana kemungkinan tersebut boleh diperbetulkan, sekiranya ianya tidak diperbetulkan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan notis untuk memperbetulkannya,

- (c) **Salah Nyata:** apa-apa representasi atau pernyataan yang dibuat oleh Pemohon di bawah Pembiayaan ini didapati tidak benar;
- (d) **Kemungkinan Silang:** apa-apa liabiliti Pemohon yang menjadi perlu dibayar sebelum tarikh matang yang pada pendapat Bank boleh memberi kesan terhadap kemampuan Pemohon untuk melaksanakan obligasinya di bawah Pembiayaan ini;
- (e) **Ancaman:** jika pada pendapat Bank, Terma dan Syarat ini dan/atau mana-mana dokumen sekuriti berkaitan Pembiayaan ini adalah terancam;
- (f) **Pelantikan Penerima, Proses Undang-Undang:** terdapat pengambilalihan oleh pemegang amanah, pentadbir, penerima, pegawai yang dilantik (atau mana-mana pihak yang seakan dengannya) akan kesemua atau mana-mana bahagian perniagaan atau aset Pemohon;
- (g) **Tindakan Kebankrapan:** Pemohon menjadi bankrap atau melakukan tindakan kebangkrapan;
- (h) **Peruntukan yang Tidak Berkesan atau Tidak Sah:** penguatkuasaan undang-undang yang menghalang Pemohon melaksanakan mana-mana obligasinya di bawah Pembiayaan ini;
- (i) **Kematian atau Ketidakmampuan:** Pemohon meninggal dunia atau menjadi tidak waras;
- (j) **Penghakiman:** Pemohon gagal memenuhi apa-apa penghakiman yang diperolehi terhadapnya, melainkan penghakiman tersebut tidak akan memberi kesan kepada keadaan kewangan Pemohon atau kemampuannya untuk melaksanakan mana-mana obligasi di bawah Pembiayaan ini;
- (k) **Prosiding Undang-Undang:** apa-apa prosiding undang-undang dimulakan terhadap Pemohon yang akan memberi kesan terhadap kemampuannya untuk melaksanakan obligasi di bawah Pembiayaan ini;
- (l) **Peristiwa Bertentangan:** terdapat perubahan penting dalam keadaan kewangan Pemohon yang boleh memberi kesan terhadap kemampuannya melaksanakan mana-mana obligasi di bawah Pembiayaan ini;
- (m) **Distres atau Pelaksanaan:** sekiranya terdapat distres atau pelaksanaan atau apa-apa proses daripada mahkamah yang mempunyai bidangkuasa dikenakan terhadap mana-mana aset Pemohon di mana ianya tidak diselesaikan oleh Pemohon dalam masa tujuh (7) hari selepas ia dikenakan;
- (n) **Peristiwa:** apa-apa peristiwa telah berlaku yang boleh memberi prejudis kepada kemampuan Pemohon untuk melaksanakan mana-mana obligasinya di bawah Pembiayaan ini; dan

- (o) **Tujuan:** Pemohon menggunakan Pembiayaan ini bagi tujuan yang tidak patuh Syariah.

22.2 Sekiranya berlaku perkara-perkara tersebut, Pemohon dianggap telah mungkir dan:

- (a) Pembiayaan, keuntungan dan semua wang menjadi tertunggak dan perlu dibayar;
- (b) Terma dan Syarat ini dan Dokumen Sekuriti akan berkuat kuasa serta-merta.

22.3 Prosiding Serentak: Sekiranya berlaku Kejadian Ingkar, Bank boleh melaksanakan semua atau mana-mana remedi yang sedia ada sama ada di bawah Terma dan Syarat ini dan/atau dokumen sekuriti dan/atau di bawah mana-mana undang-undang yang berkenaan. Bank boleh melaksanakan remedi-remedi tersebut secara serentak untuk mendapatkan kembali semua wang yang perlu dibayar dan tertunggak kepada Bank.

22.4 Penguatkuasaan Sekuriti: Selepas Terma dan Syarat ini dan/atau dokumen sekuriti berkuat kuasa menurut Klausula 22.1 di atas, Bank boleh tetapi tidak diwajibkan untuk menguatkuasakan remedinya di bawah Terma dan Syarat ini dan/atau dokumen sekuriti.

23. TARIKH

Sekiranya apa-apa bayaran perlu dibayar jatuh pada bukan hari bekerja, ianya perlu dibayar pada hari bekerja yang seterusnya atau, jika hari bekerja tersebut jatuh pada bulan berikutnya, maka pembayaran perlu dibuat pada hari bekerja sebelumnya.

24. PEMOTONGAN

Semua pembayaran yang dibuat oleh Pemohon di bawah Pembiayaan ini hendaklah dibuat secara penuh tanpa apa-apa pemotongan melainkan potongan atau pegangan tersebut diperlukan di bawah undang-undang, dimana Pemohon perlu:

- (a) memastikan potongan atau pegangan tersebut tidak melebihi jumlah minimum yang diperlukan tersebut;
- (b) membayar kepada Bank dengan segera (di atas akaun penerima yang berkenaan) jumlah tambahan yang berkenaan supaya jumlah bersih yang diterima oleh Bank adalah sama dengan jumlah penuh yang sepatutnya diterima oleh Bank sekiranya tiada potongan atau pegangan tersebut.
- (c) membayar sepenuhnya jumlah potongan atau pegangan kepada pihak berkuasa percukaian atau pihak berkuasa yang lain di (dalam tempoh pembayaran yang dibenarkan undang-undang berkaitan);
- (d) memberi Bank (dalam tempoh yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkaitan), sama ada:-
 - (i) resit rasmi pihak berkuasa percukaian berkaitan semua jumlah yang dipotong atau dipegang; atau

- (ii) sekiranya resit tersebut tidak dikeluarkan oleh pihak berkuasa percukaian, sijil potongan atau bukti yang setara.

25. PENGGUNAAN WANG

25.1 Bank boleh menggunakan mana-mana wang yang diterima di bawah Pembiayaan mengikut peruntukan di bawah Pembiayaan ini.

25.2 Selepas Terma dan Syarat ini berkuat kuasa, semua wang yang diterima oleh Bank di bawah Terma dan Syarat ini dan/atau mana-mana dokumen berkaitan dengan Pembiayaan ini hendaklah digunakan:

- (a) pertama, dalam pembayaran mana-mana fi yang perlu dibayar kepada Bank serta semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank;
- (b) kedua, terhadap pembayaran liabiliti Pemohon berhubung dengan Pembiayaan ini;
- (c) ketiga, terhadap pembayaran semua keuntungan terakru di bawah Pembiayaan ini;
- (d) keempat, terhadap pembayaran Pembiayaan ini yang perlu dibayar kepada Bank; dan
- (e) jumlah lebihan (jika ada) hendaklah dibayar kepada Pemohon atau pihak lain yang berhak pada masa tersebut.

25.3 Sekiranya jumlah wang dibayar kurang daripada jumlah yang perlu dibayar, Bank boleh menggunakan jumlah tersebut bagi membayar prinsipal Pembiayaan, keuntungan, fi atau mana-mana amaun lain yang perlu dibayar di bawah Pembiayaan ini dengan cara yang akan ditentukan oleh Bank.

25.4 Sekiranya amaun yang diperolehi Bank di bawah Klausula 25.1 di atas (selepas penolakan semua caj berkaitan di bawah Terma dan Syarat ini) adalah kurang daripada amaun yang perlu dibayar kepada Bank, Pemohon hendaklah membayar atas tuntutan Bank perbezaan jumlah berkenaan dan sehingga pembayaran selesai. Pemohon juga hendaklah membayar kepada Bank bayaran ganti rugi (*Ta'widh*) ke atas jumlah tersebut pada kadar yang ditetapkan dalam Klausula 4 Terma dan Syarat ini.

25.5 Semua wang yang diterima oleh Bank dianggap sebagai pembayaran kasar dan hendaklah diperlakukan sebagai sekuriti bagi baki Pembiayaan. Pemohon atau mana-mana pihak lain yang menuntut bagi pihak Pemohon tidak boleh menuntut sekuriti tersebut atau mana-mana bahagian atau mana-mana keuntungan melainkan dan sehingga Bank telah menerima seluruh amaun yang terutang kepada Bank.

26. LIABILITI PEMOHON

26.1 Pemohon hendaklah sepenuhnya menanggung rugi Bank terhadap sebarang perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang dihadapi Bank (merangkumi apa-apa bayaran ganti rugi (*Ta'widh*) atau jumlah lain yang perlu dibayar di bawah Pembiayaan ini) akibat daripada mana-mana Kejadian Ingkar atau disebabkan oleh tindakan pengabaian Pemohon.

26.2 Tanpa menjejaskan keluasan maknanya, ganti rugi tersebut adalah merangkumi apa-apa kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank termasuk apa-apa fi atau amaun lain yang telah atau perlu dibayar bagi menyenggara atau membiayai Pembiayaan ini ataupun pembubaran atau penggunaan deposit daripada pihak ketiga bagi tujuan pelaksanaan dan penyelenggaraan Pembiayaan ini.

26.3 Pemohon bersetuju bahawa pembayaran menurut obligasinya di bawah Pembiayaan ini akan dibuat atas tuntutan Bank. Peruntukan di bawah Klausula 26 ini akan terus berkuat kuasa walaupun transaksi asas Pembiayaan ini antara Pemohon dan Bank telah selesai dan akan terus berkuat kuasa selepas penamatan Pembiayaan ini.

27. PENYATUAN DAN PENGGABUNGAN AKAUN

27.1 Bank boleh dengan notis pada bila-bila masa dan pada budi bicaranya, menyatukan dan menggabungkan kesemua atau mana-mana akaun Pemohon termasuk akaun bersama dengan mana-mana pihak (apa-apa jenis akaun) di mana-mana jua beserta liabiliti dan obligasi yang ditanggung oleh Pemohon terhadap Bank.

27.2 Bank juga boleh membuat penolakan (*set-off*) atau memindahkan apa-apa jumlah yang perlu dibayar pada satu atau mana-mana akaun tersebut untuk menyelesaikan liabiliti dan obligasi Pemohon kepada Bank tertakluk kepada notis diberikan kepada Pemohon dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum penolakan (*set-off*) atau pindahan tersebut dilaksanakan.

28. KEMUNGKIRAN SILANG (*CROSS DEFAULT*)

Pemohon dengan ini bersetuju bahawa sekiranya terdapat apa-apa jumlah yang perlu dibayar oleh Pemohon kepada Bank dari semasa ke semasa atau pada sesuatu masa atau sekiranya kemungkiran berlaku pada mana-mana akaun (terkini atau sebaliknya) atau mana-mana pembiayaan yang ditawarkan oleh Bank kepada Pemohon atau di bawah Terma dan Syarat ini, akaun-akaun atau mana-mana kemudahan perbankan lain hendaklah dengan serta merta menjadi perlu dibayar dan sekuriti serta kepentingan Bank di bawah Terma dan Syarat ini akan berkuat kuasa serta merta.

29. PENYERAHAN HAK

29.1 Serahan hak oleh Bank: Bank mempunyai hak untuk menyerahkan hak dan/atau memindah milik hak, kepentingan dan/atau obligasinya di bawah Pembiayaan ini dengan memberi notis kepada Pemohon. Bagi tujuan ini:-

- (a) Bank boleh menzahirkan maklumat sedia ada kepada bakal penerima hak atau penerima milik tersebut;
- (b) Pemohon bersetuju untuk menandatangani apa-apa dokumen jika perlu untuk memberi kesan terhadap penyerahan hak dan/atau pindah milik tersebut serta menanggung kos dan perbelanjaan yang berkenaan. Selepas itu, Pemohon akan berhubung terus dengan penerima serah hak dan/atau penerima milik berkenaan hal ehwal Pembiayaan ini.

29.2 Tiada Serahan hak oleh Pemohon: Pemohon tidak boleh menyerahkan hak dan/atau memindah milik hak, kepentingan dan obligasinya di bawah Pembiayaan ini kepada mana-mana pihak.

30. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

Selagi tidak bercanggah dengan peraturan yang ditetapkan oleh mana-mana pihak berkuasa atau sekiranya diarahkan oleh mana-mana pihak berkuasa, Bank boleh mengenakan syarat-syarat tambahan lain (jika difikirkan perlu) dengan memberi notis kepada Pemohon dua puluh satu (21) hari sebelum syarat-syarat tambahan dan/atau pindaan tersebut dikenakan.

31. HAK BANK

Sebagai tambahan kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas, Pemohon bersetuju bahawa Bank boleh:

- (a) membatalkan atau menamatkan Pembiayaan ini atas sebab yang munasabah dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari terdahulu kepada Pemohon dan semua wang yang terkumpul di bawah Pembiayaan tersebut akan menjadi perlu dibayar serta-merta sama ada dituntut secara rasmi atau tidak oleh Bank;
- (b) mengubah terma-terma dan syarat-syarat atau menyusun semula Pembiayaan ini tertakluk kepada pemberian notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Pemohon;
- (c) membenarkan mana-mana ejen atau pihak ketiga yang dilantik oleh Bank untuk menguruskan kutipan bayaran Ansuran Bulanan dan/atau apa-apa bayaran yang tertunggak daripada Pemohon; dan
- (d) mendaftar segala data berhubung maklumat Pembiayaan ke dalam sistem daftar yang akan disimpan secara sulit di CCRIS dan/atau pihak ketiga dan/atau mana-mana agensi yang mengendalikan perkhidmatan yang sama;
- (e) mengenakan apa-apa syarat tambahan lain (tertakluk syarat tersebut tidak memudaratkan Pemohon).

32. PENGASINGAN

Sekiranya terdapat apa-apa peruntukan di bawah Pembiayaan ini yang didapati tidak sah, dilarang atau menyalahi undang-undang, ataupun tidak boleh dikuatkuasakan, ia tidak akan menjejaskan peruntukan selainnya.

33. KETERSEDIAAN DANA / SEMAKAN PEMBIAYAAN

33.1 Pemberian Pembiayaan oleh Bank kepada Pemohon pada setiap masa adalah tertakluk kepada kesediaan dana. Pembiayaan (termasuk tetapi tidak terhad kepada had yang dibenarkan oleh Bank ke atas Pembiayaan) adalah tertakluk kepada semakan berkala pada bila-bila masa mengikut budi bicara Bank.

33.2 Tertakluk kepada pemberian notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu, Bank boleh dari semasa ke semasa mengikut budi bicaranya :-

- (a) mengubah terma-terma dan syarat-syarat atau menyusun semula Pembiayaan;

- (b) tanpa menjejaskan keluasan sub-klausa 33.2(a), mengenakan terma dan / atau syarat tambahan untuk Pembiayaan; atau

- (c) membuat semakan semula rekod kredit pelanggan dari semasa ke semasa, tertakluk kepada budi bicaranya Bank boleh menarik balik atau mengubah sebarang terma Pembiayaan sekiranya semakan rekod kredit pelanggan adalah tidak memuaskan; atau

- (d) membatalkan pengeluaran Pembiayaan atau menamatkan Pembiayaan tersebut atau mana-mana bahagiannya, di mana Pembiayaan tersebut (atau mana-mana bahagiannya, mengikut mana yang berkenaan) hendaklah terhenti menjadi ada dan semua wang yang terkumpul berkenaan akan menjadi perlu dibayar serta-merta sama ada dituntut secara rasmi atau tidak.

34. BUKTI AMAUN PERLU DIBAYAR

Pemohon mengakui bahawa suatu penyata terhadap apa-apa amaun yang perlu dibayar kepada Bank di bawah Pembiayaan ini yang telah diakui betul oleh pegawai Bank (melainkan terdapat kesilapan yang jelas), adalah bukti nyata bahawa amaun tersebut adalah perlu dibayar.

35. AKAUN SEMENTARA

Mana-mana wang yang diterima di bawah Pembiayaan ini boleh dimasukkan ke dalam akaun sementara tanpa keuntungan atau akaun lain yang ditetapkan oleh Bank (jika perlu) sebelum dimasukkan ke dalam akaun sebenar. Bank boleh menggunakan wang tersebut bagi melepaskan mana-mana liabiliti Pemohon di bawah Pembiayaan ini.

36. PENGUBAHSUAIAN DAN KELONGGARAN

Sekuriti, liabiliti dan obligasi di bawah Pembiayaan ini akan terus menjadi sah dan mengikat untuk segala tujuan, tanpa mengambil kira:

- (a) sebarang lanjutan masa atau kelonggaran yang diberi oleh Bank kepada Pemohon dari semasa ke semasa bagi pembayaran jumlah yang perlu dibayar kepada Bank ataupun pematuhan atau pelaksanaan sebarang obligasi, syarat, aku janji atau janji hutang yang perlu dipatuhi atau dilaksanakan oleh Pemohon di bawah Pembiayaan ini; atau

- (b) sebarang perjanjian atau komposisi yang diterima oleh Bank yang mengubahsuai hak dan remedinya di bawah Pembiayaan ini melalui pindaan terhadap obligasi, terma, perjanjian, aku janji atau janji hutang di bawah Pembiayaan ini atau kegagalan dalam pembayaran, masa, pelaksanaan atau selainnya.

37. HAK KUMULATIF, PENGETEPIAN

Hak Bank di bawah Pembiayaan ini adalah kumulatif, boleh dilaksanakan sekerap yang difikirkan perlu oleh Bank, di samping hak Bank di bawah mana-mana undang-undang sedia ada dan tidak boleh diketepikan atau dipinda melainkan dengan pengetepian nyata atau pindaan secara bertulis.

38. SEKURITI TAMBAHAN

Tiada apa-apa peruntukan di bawah Terma dan Syarat ini yang akan menjejaskan atau memberi prejudis terhadap apa-apa lien atau sekuriti yang dipegang oleh Bank mahupun hak atau remedi Bank di bawah Pembiayaan ini.

39. PERUBAHAN KEADAAN

39.1 Ketidaksahan: Sekiranya terdapat apa-apa perubahan di dalam mana-mana undang-undang atau perintah yang jelas menunjukkan bahawa adalah tidak sah di sisi undang-undang atau tidak praktikal bagi Bank untuk melaksanakan obligasinya di bawah Pembiayaan ini:

- (a) Bank hendaklah memberi notis kepada Pemohon tentang keadaan tersebut; dan
- (b) sekiranya Bank tidak mampu untuk mengelakkan keadaan tersebut, setelah penerimaan notis, Pemohon dikehendaki membuat pra-pembayaran Pembiayaan ini kepada Bank selaras dengan Terma dan Syarat ini dan Pembiayaan ini akan dibatalkan.

39.2 Kenaikan Kos: Tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan di bawah Terma dan Syarat ini, sekiranya terdapat apa-apa perubahan undang-undang atau perintah dari Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan berkuasa lain yang menyebabkan Bank mengalami kenaikan kos dalam membiayai Pembiayaan ini atau pengurangan jumlah yang diterimanya di bawah Pembiayaan ini (atau apa-apa keadaan lain yang seakan dengannya), maka:

- (a) Bank hendaklah memberi notis kepada Pemohon tentang keadaan tersebut serta berusaha untuk menghindari kesan daripada perubahan tersebut;
- (b) Pemohon hendaklah membayar kepada Bank apa-apa amaun yang berkenaan sebagai pampasan kepada Bank akibat daripada kenaikan kos atau pengurangan jumlah diterima tersebut apabila dituntut dari semasa ke semasa oleh Bank (termasuk setelah pra-pembayaran); dan
- (c) Pada bila-bila masa selepas itu, selagi keadaan tersebut masih berterusan, Pemohon boleh memilih untuk membatalkan Pembiayaan ini (dengan memberi notis tidak boleh batal sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari terdahulu kepada Bank), dan membuat pra-pembayaran Pembiayaan kepada Bank selaras dengan peruntukan Terma dan Syarat ini.

40. PENSTRUKTURAN SEMULA BANK

Segala penstrukturian semula, penggabungan dan lain lain perubahan Bank tidak akan menjejaskan sekuriti, liabiliti, dan/atau obligasi yang tercipta oleh Pembiayaan ini.

41. PERUBAHAN PADA PEMOHON

Sekuriti, liabiliti dan obligasi di bawah Pembiayaan ini adalah terus sah dan terikat walaupun terdapat perubahan Pemohon atas sebarang sebab termasuk kebangkrapan atau kematian Pemohon atau selainnya. Tiada apa-apa perubahan berkaitan atau yang memberi kesan kepada Pemohon akan

menjejaskan sekuriti, liabiliti dan/atau obligasi yang telah dan/atau akan tercipta di bawah Pembiayaan ini.

42. PENGGANTI TERIKAT

Terma dan Syarat ini dan dokumen-dokumen lain di bawah Pembiayaan ini adalah mengikat terhadap pihak-pihak yang dinyatakan dan juga waris, pengganti hak milik dan penerima serah hak masing-masing.

43. MATA WANG

Segala wang yang ditawarkan atau akan diterima oleh Bank di bawah Pembiayaan ini hendaklah dalam mata wang Ringgit Malaysia.

44. CUKAI

Caj-caj yang dikenakan di dalam Terma dan Syarat ini adalah tidak termasuk sebarang cukai yang dikenakan atau yang akan dikenakan oleh pihak berkuasa. Pihak Bank boleh mengenakan terhadap Pemohon jumlah cukai yang diperuntukkan di bawah undang-undang.

45. MASA

Masa di mana sahaja dinyatakan adalah merupakan intipati dalam Terma dan Syarat ini.

46. UNDANG-UNDANG MENTADBIR

Peruntukan-peruntukan di bawah Pembiayaan ini adalah ditadbir dan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia.

47. AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001 ("AMLA")

Pemohon dilarang menggunakan Pembiayaan ini untuk sebarang aktiviti haram seperti dinyatakan di bawah AMLA. Bank mempunyai hak untuk mendapatkan semua maklumat yang diperlukan termasuk sumber pembiayaan berkaitan Pemohon. Bank juga mempunyai hak untuk membuat laporan dan memberi kerjasama penuh kepada pihak berkuasa yang berkenaan bagi menjalankan tugas mereka di bawah AMLA. Sekiranya Pemohon didapati melanggar AMLA, Bank boleh melaksanakan semua haknya yang terkandung di dalam Klausula 22 dengan serta merta.

48. AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Pemohon mengakui bahawa Bank dalam melaksanakan hak, tanggungjawab dan obligasinya di bawah Terma dan Syarat ini dan menjalankan operasi hariannya dan memberi kualiti perkhidmatan yang tinggi kepada Pemohon, mungkin perlu menghubungi dan/atau memberi notis kepada Pemohon untuk memaklumkan mengenai butiran perkhidmatan Bank. Bank akan menuruti peruntukan yang ditetapkan di bawah Akta Perlindungan Peribadi 2010 pada setiap masa Bank mengguna dan memproses maklumat peribadi Pemohon. Bank akan mendapatkan kebenaran daripada Pemohon untuk memberikan nama, alamat, alamat e-mel, nombor telefon dan apa-apa maklumat lain yang berkaitan dengan Pemohon kepada pihak ketiga bagi tujuan pemasaran dan promosi produk dan perkhidmatan Bank. Pemohon boleh menarik balik kebenaran tersebut pada bila-bila masa dengan

memberi notis bertulis kepada Bank dalam satu tempoh yang mencukupi.

tersebut, Notis Kemudahan hendaklah disifatkan sebagai Suratcara Utama.

49. HAK MENDAPATKAN NASIHAT UNDANG-UNDANG

Pemohon boleh dengan kos sendiri, mendapatkan pendapat undang-undang bebas berkenaan hak-hak dan tanggungjawab Pemohon di bawah Terma dan Syarat ini atau mana-mana dokumen-dokumen yang berkaitan dengan Pembiayaan ini sebelum menandatangani Terma dan Syarat ini dan dokumen-dokumen berkenaan.

50. INSTRUMEN PRINSIPAL

Dengan ini dipersetujui bahawa Notis Kemudahan yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemohon adalah surat cara yang digunakan untuk tujuan satu transaksi di bawah maksud Seksyen 4(3) Akta Setem 1949 dan untuk tujuan Seksyen

51. PENERIMAAN PEMOHON

Pemohon dengan ini memahami dan menerima segala isi kandungan seperti yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini dan bersetuju untuk memenuhi segala tanggungjawab terhadap Kemudahan ini dan juga Terma dan Syarat ini. Pemohon dengan ini juga bersetuju bahawa pihak Bank berhak untuk menuntut bayaran penuh terhadap mana-mana jumlah keterhutangan yang belum di bayar kepada pihak Bank dan/atau melaksanakan apa-apa langkah sewajarnya seperti yang terkandung di dalam Terma dan Syarat ini.

TERMA DAN SYARAT KHUSUS BAGI SKIM BSN MyRinggit-i (yang mana berkenaan)

1. TERMA DAN SYARAT KHUSUS SKIM PEMBIAYAAN BSN MyRinggit-i BPA

1.1. Cara Bayaran Ansuran Bulanan

Ansuran Bulanan hendaklah dibayar melalui **potongan gaji Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA)**.

1.2. Syarat-syarat Tambahan Pengeluaran Pembiayaan

Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan peruntukan syarat-syarat pengeluaran Pembiayaan dalam Terma dan Syarat Kemudahan Pembiayaan BSN MyRinggit-i, Pembiayaan akan dikeluarkan tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat tambahan berikut:

Pelanggan dan/atau majikan Pelanggan telah melengkapkan dan menandatangani Borang BPA 1/79.

1.3. Syarat-syarat tambahan berikut terpakai bagi Pembiayaan BSN MyRinggit-i BPA yang menggunakan kadar keuntungan secara terapung:

1.3.1. *Ibra' Mu'allaq* (Rebat Bersyarat)

(a) Pihak Bank dengan ini memberikan *Ibra' Mu'allaq* dan membenarkan Pelanggan membayar Ansuran Bulanan pada Kadar Untung Efektif (EPR) seperti di Notis Kemudahan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) Pelanggan kekal berkhidmat di agensi/institusi yang melaksanakan kemudahan potongan gaji BPA sepanjang Tempoh Pembiayaan; dan
- (ii) Pelanggan membayar Ansuran Bulanan melalui potongan gaji BPA pada masa dan mengikut cara yang ditetapkan oleh Bank sehingga Pembiayaan dijelaskan sepenuhnya.

(b) Sekiranya berlaku kemungkiran syarat-syarat yang dinyatakan di Klausula 1.3.1(a) di atas, pihak Bank boleh memberhentikan *Ibra' Mu'allaq*, dimana kadar keuntungan yang akan dikenakan ke atas baki Pembiayaan akan berubah kepada kadar komersial BSN MyRinggit-i Eksekutif-1 (**tertakluk ianya tidak akan melebihi CPR**) ("**Kadar Keuntungan Komersil**") yang perlu dibayar sepanjang baki Tempoh Pembiayaan. Dalam keadaan ini, ansuran bulanan semasa yang perlu dibayar oleh Pelanggan adalah berdasarkan Kadar Keuntungan Komersil tersebut. Amaun sebenar ansuran bulanan akan dimaklumkan oleh Bank kepada Pelanggan melalui notis dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh kuat kuasa perubahan tersebut.

1.3.2 Kadar Mungkir

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Kadar Mungkir yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Kemudahan Pembiayaan BSN MyRinggit-i hanya akan dikenakan setelah pengurangan *Ibra' Mu'allaq* semasa kepada Kadar Keuntungan Komersil sahaja

2. TERMA DAN SYARAT KHUSUS SKIM PEMBIAYAAN BSN MyRinggit-i SCOP

2.1. Cara Bayaran Ansuran Bulanan

Ansuran Bulanan hendaklah dibayar secara **potongan gaji oleh majikan melalui Jabatan Akauntan Negara**.

2.2. Syarat-syarat Tambahan Pengeluaran Pembiayaan

Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan peruntukan syarat-syarat pengeluaran Pembiayaan dalam Terma dan Syarat Kemudahan Pembiayaan BSN MyRinggit-i, Pembiayaan akan dikeluarkan tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat tambahan berikut:

Pelanggan dan/atau majikan Pelanggan telah melengkapkan dan menandatangani Borang BSN 09-D (0916)_B;

2.3. Syarat-syarat tambahan berikut terpakai bagi Pembiayaan BSN MyRinggit-i SCOP yang menggunakan kadar keuntungan secara terapung:

2.3.1 *Ibra' Mu'allaq* (Rebat Bersyarat)

(a) Pihak Bank dengan ini memberikan *Ibra' Mu'allaq* dan membenarkan Pelanggan membayar Ansuran Bulanan pada Kadar Untung Efektif (EPR) seperti di Notis Kemudahan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) Pelanggan kekal berkhidmat dengan Polis Diraja Malaysia (SCOP) sepanjang Tempoh Pembiayaan; dan
- (ii) Pelanggan membayar Ansuran Bulanan secara potongan gaji oleh majikan melalui Jabatan Akauntan Negara pada masa dan mengikut cara yang ditetapkan oleh Bank sehingga Pembiayaan dijelaskan sepenuhnya.

(b) Sekiranya berlaku kemungkiran syarat-syarat yang dinyatakan di Klausa 2.3.1(a) di atas, pihak Bank boleh memberhentikan *Ibra' Mu'allaq*, dimana kadar keuntungan yang akan dikenakan ke atas baki Pembiayaan akan berubah kepada kadar komersial BSN MyRinggit-i Eksekutif-1 (**tertakluk ianya tidak akan melebihi CPR**) ("**Kadar Keuntungan Komersial**") yang perlu dibayar sepanjang baki Tempoh Pembiayaan. Dalam keadaan ini, ansuran bulanan semasa yang perlu dibayar oleh Pelanggan adalah berdasarkan Kadar Keuntungan Komersial tersebut. Amaun sebenar ansuran bulanan akan dimaklumkan oleh Bank kepada Pelanggan melalui notis dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh kuat kuasa perubahan tersebut.

2.3.2 Kadar Mungkir

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Kadar Mungkir yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Kemudahan Pembiayaan BSN MyRinggit-i hanya akan dikenakan setelah pengurangan *Ibra' Mu'allaq* semasa kepada Kadar Keuntungan Komersial sahaja.

3. TERMA DAN SYARAT KHUSUS SKIM PEMBIAYAAN BSN MyRinggit-i SKAN

3.1. Cara Bayaran Ansuran Bulanan

Ansuran Bulanan hendaklah dibayar secara **potongan gaji oleh majikan melalui Jabatan Perbendaharaan/Kewangan Negeri**.

3.2. Syarat-syarat Tambahan Pengeluaran Pembiayaan

Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan peruntukan syarat-syarat pengeluaran Pembiayaan dalam Terma dan Syarat Kemudahan Pembiayaan BSN MyRinggit-i, Pembiayaan akan dikeluarkan tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat tambahan berikut:

Pelanggan dan/atau majikan Pelanggan telah melengkapkan dan menandatangani Borang BSN 09-D (0916)_B.

3.3. Syarat-syarat tambahan berikut terpakai bagi Pembiayaan BSN MyRinggit-i SKAN yang menggunakan kadar keuntungan secara terapung:

3.3.1 *Ibra' Mu'allaq* (Rebat Bersyarat)

(a) Pihak Bank dengan ini memberikan *Ibra' Mu'allaq* dan membenarkan Pelanggan membayar Ansuran Bulanan pada Kadar Untung Efektif (EPR) seperti di Notis Kemudahan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) Pelanggan kekal berkhidmat sebagai Kakitangan Awam Negeri sepanjang Tempoh Pembiayaan; dan
- (ii) Pelanggan membayar Ansuran Bulanan secara potongan gaji oleh majikan melalui Jabatan Perbendaharaan/Kewangan Negeri pada masa dan mengikut cara yang ditetapkan oleh Bank sehingga Pembiayaan dijelaskan sepenuhnya

- (b) Sekiranya berlaku kemungkir terhadap Klausa 3.3.1(a) di atas, pihak Bank boleh memberhentikan *Ibra' Mu'allaq*, di mana kadar keuntungan yang akan dikenakan ke atas baki Pembiayaan akan berubah kepada kadar komersial BSN MyRinggit-i Eksekutif-1 (**tertakluk ianya tidak akan melebihi CPR**) ("**Kadar Keuntungan Komersial**") yang perlu dibayar sepanjang baki Tempoh Pembiayaan. Dalam keadaan ini, ansuran bulanan semasa yang perlu dibayar oleh Pelanggan adalah berdasarkan Kadar Keuntungan Komersil tersebut. Amaun sebenar ansuran bulanan akan dimaklumkan oleh Bank kepada Pelanggan melalui notis dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh kuat kuasa perubahan tersebut.

3.3.2 Kadar Mungkir

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Kadar Mungkir yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Kemudahan Pembiayaan BSN hanya akan dikenakan setelah pengurangan *Ibra' Mu'allaq* semasa kepada Kadar Keuntungan Komersil sahaja.

4. TERMA DAN SYARAT KHUSUS SKIM PEMBIAYAAN BSN MyRinggit-i SKAP

4.1. Cara Bayaran Ansuran Bulanan

Ansuran Bulanan hendaklah dibayar secara **potongan gaji oleh majikan melalui Jabatan Akauntan Negara**.

4.2. Syarat-syarat Tambahan Pengeluaran Pembiayaan

Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan peruntukan syarat-syarat pengeluaran Pembiayaan di dalam Terma dan Syarat Kemudahan Pembiayaan BSN MyRinggit-i, Pembiayaan akan dikeluarkan tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat tambahan berikut:

Pelanggan dan/atau majikan Pelanggan telah melengkapkan dan menandatangani Borang BSN 09-D (0916)_B;

4.3. Syarat-syarat tambahan berikut terpakai bagi Pembiayaan BSN MyRinggit-i SKAP yang menggunakan kadar keuntungan secara terapan:

4.3.1 *Ibra' Mu'allaq* (Rebat Bersyarat)

- (a) Pihak Bank dengan ini memberikan *Ibra' Mu'allaq* dan membenarkan Pelanggan membayar Ansuran Bulanan pada Kadar Untung Efektif (EPR) seperti di Notis Kemudahan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (i) Pelanggan kekal berkhidmat sebagai Kakitangan Awam Persekutuan sepanjang Tempoh Pembiayaan; dan
 - (ii) Pelanggan membayar Ansuran Bulanan secara potongan gaji oleh majikan melalui Jabatan Akauntan Negara pada masa dan mengikut cara yang ditetapkan oleh Bank sehingga Pembiayaan dijelaskan sepenuhnya.
- (b) Sekiranya berlaku kemungkir syarat-syarat yang dinyatakan di Klausa 4.3.1(a) di atas, pihak Bank boleh memberhentikan *Ibra' Mu'allaq* di mana kadar keuntungan yang akan dikenakan ke atas baki Pembiayaan akan berubah kepada kadar komersial BSN MyRinggit-i Eksekutif-1 (**tertakluk ianya tidak akan melebihi CPR**) ("**Kadar Keuntungan Komersil**") yang perlu dibayar sepanjang baki Tempoh Pembiayaan. Dalam keadaan ini, ansuran bulanan semasa yang perlu dibayar oleh Pelanggan adalah berdasarkan Kadar Keuntungan Komersil tersebut. Amaun sebenar ansuran bulanan akan dimaklumkan oleh Bank kepada Pelanggan melalui notis dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh kuat kuasa perubahan tersebut.

4.3.2 Kadar Mungkir

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Kadar Mungkir yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Kemudahan Pembiayaan BSN hanya akan dikenakan setelah pengurangan *Ibra' Mu'allaq* semasa kepada Kadar Keuntungan Komersil sahaja.

5. TERMA DAN SYARAT KHUSUS SKIM PEMBIAYAAN BSN MyRinggit-i EKSEKUTIF 1

5.1. Cara Bayaran Ansuran Bulanan

Ansuran Bulanan hendaklah dibayar melalui **potongan terus (autodebit) dari Akaun BSN Giro/-i**. Pelanggan perlu memastikan akaunnya sentiasa mempunyai baki yang mencukupi supaya potongan Ansuran Bulanan berjaya dilaksanakan.

6. TERMA DAN SYARAT KHUSUS SKIM PEMBIAYAAN MyRinggit-i EKSEKUTIF-1 CES

6.1. Cara Bayaran Ansuran Bulanan

Ansuran Bulanan hendaklah dibayar melalui potongan gaji oleh majikan di syarikat/organisasi terpilih di bawah *Corporate Employee Scheme* (CES).

6.2. *Ibra' Mu'allaq* (Rebat Bersyarat)

- (a) Pihak Bank dengan ini memberikan *Ibra' Mu'allaq* dan membenarkan Pelanggan membayar Ansuran Bulanan pada Kadar Untung Efektif (EPR) seperti di Notis Kemudahan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (i) Pelanggan kekal berkhidmat sebagai kakitangan di syarikat/organisasi terpilih di bawah CES yang ditentukan oleh Bank; dan
 - (ii) Pelanggan membayar Ansuran Bulanan secara potongan gaji oleh majikan pada masa dan mengikut cara yang ditetapkan oleh Bank sehingga Pembiayaan dijelaskan sepenuhnya.
- (b) Sekiranya berlaku kemungkiran syarat-syarat yang dinyatakan di Klausa 6.2 (a) di atas, pihak Bank boleh memberhentikan *Ibra' Mu'allaq*, di mana kadar keuntungan yang akan dikenakan ke atas baki Pembiayaan akan berubah kepada kadar komersial BSN MyRinggit-i Eksekutif-1 (**tertakluk ianya tidak akan melebihi CPR**) ("**Kadar Keuntungan Komersil**") yang perlu dibayar sepanjang baki Tempoh Pembiayaan. Dalam keadaan ini, ansuran bulanan semasa yang perlu dibayar oleh Pelanggan adalah berdasarkan Kadar Keuntungan Komersil tersebut. Amaun sebenar ansuran bulanan akan dimaklumkan oleh Bank kepada Pelanggan melalui notis dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh kuat kuasa perubahan tersebut.

6.3. Kadar Mungkir

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Kadar Mungkir yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Kemudahan Pembiayaan BSN hanya akan dikenakan setelah pengurangan *Ibra' Mu'allaq* semasa kepada Kadar Keuntungan Komersil sahaja.

7. TERMA DAN SYARAT KHUSUS SKIM PEMBIAYAAN BSN MyRinggit-i Kakitangan PruBSN

7.1. Cara Bayaran Ansuran Bulanan

Ansuran Bulanan hendaklah dibayar melalui **potongan gaji dari akaun kakitangan oleh PruBSN**.

7.2. *Ibra' Mu'allaq* (Rebat Bersyarat)

- (a) Pihak Bank dengan ini memberikan *Ibra' Mu'allaq* dan membenarkan Pelanggan membayar Ansuran Bulanan pada kadar keuntungan selepas *Ibra' Mu'allaq* seperti yang dinyatakan pada Notis Kemudahan adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (i) Pelanggan kekal berkhidmat sebagai kakitangan PruBSN sepanjang Tempoh Pembiayaan;
 - (ii) Pelanggan tidak mengambil cuti tanpa gaji; dan/atau
 - (iii) Pelanggan membayar Ansuran Bulanan secara potongan gaji oleh PruBSN pada masa dan mengikut cara yang ditetapkan oleh Bank sehingga Pembiayaan dijelaskan sepenuhnya.
- (b) Sekiranya berlaku kemungkiran terhadap Klausa 7.2(a) di atas, pihak Bank boleh memberhentikan *Ibra' Mu'allaq*, di mana kadar keuntungan yang akan dikenakan ke atas baki Pembiayaan akan berubah kepada kadar keuntungan sebelum *Ibra' Mu'allaq* yang perlu dibayar sepanjang baki Tempoh Pembiayaan. Dalam keadaan ini, ansuran bulanan semasa yang perlu dibayar oleh Pelanggan adalah berdasarkan Kadar Keuntungan sebelum *Ibra' Mu'allaq* tersebut. Amaun sebenar ansuran bulanan akan dimaklumkan oleh Bank kepada Pelanggan melalui notis dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh kuatkuasa perubahan tersebut.

8. TERMA DAN SYARAT KHUSUS SKIM PEMBIAYAAN BSN MyRinggit-i PROFESSIONAL

8.1. Cara Bayaran Ansuran Bulanan

Ansuran Bulanan hendaklah dibayar oleh Pelanggan berdasarkan opsyen berikut:

- (a) Ansuran Bulanan hendaklah dibayar melalui **potongan terus (*autodebit*) dari Akaun BSN Giro/-i**. Pelanggan perlu memastikan Akaun BSN Giro/-i sentiasa mempunyai baki yang mencukupi supaya potongan Ansuran Bulanan berjaya dilaksanakan; atau
- (b) Ansuran Bulanan hendaklah dibayar melalui **potongan gaji Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA)**; atau
- (c) Ansuran Bulanan hendaklah dibayar melalui **potongan gaji oleh majikan**; atau
- (d) Ansuran Bulanan hendaklah dibayar melalui **potongan gaji melalui Jabatan Akauntan Negara**.

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Pelanggan hanya boleh memilih satu cara bayaran sahaja yang perlu dikekalkan sepanjang Tempoh Pembiayaan dan/atau sehingga Pembiayaan dijelaskan sepenuhnya.

8.2. Syarat-syarat Tambahan Pengeluaran Pembiayaan

Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan peruntukan syarat-syarat pengeluaran Pembiayaan dalam Terma dan Syarat Kemudahan Pembiayaan BSN MyRinggit-i, Pembiayaan akan dikeluarkan tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat tambahan berikut:

- (a) **Potongan gaji Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA)**
Pelanggan dan/atau majikan Pelanggan telah melengkapkan dan menandatangani Borang BPA 1/79
- (b) **Potongan gaji melalui Jabatan Akauntan Negara**
Pelanggan dan/atau majikan Pelanggan telah melengkapkan dan menandatangani Borang BSN 09-D (0916)_B;
- (c) **Potongan gaji oleh majikan**
Pelanggan dan/atau majikan Pelanggan telah melengkapkan dan menandatangani Borang APGPF-01(0821)

9. TERMA DAN SYARAT KHUSUS SKIM PEMBIAYAAN BSN MyRinggit-i FIE

9.1. Cara Bayaran Ansuran Bulanan

Ansuran Bulanan hendaklah dibayar melalui **potongan terus (autodebit) dari Akaun gaji Pelanggan** (termasuk dari akaun gaji Pelanggan di bank lain) dengan menggunakan Arahan Tetap (*Standing Instruction*). Pelanggan perlu memastikan akaun tersebut sentiasa mempunyai baki yang mencukupi supaya potongan Ansuran Bulanan berjaya dilaksanakan.

9.2. *Ibra' Mu'allaq* (Rebat Bersyarat)

- (a) Pihak Bank dengan ini memberikan *Ibra' Mu'allaq* dan membenarkan Pelanggan membayar Ansuran Bulanan pada Kadar Untung Efektif (EPR) seperti di Notis Kemudahan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (i) Pelanggan kekal berkhidmat sebagai kakitangan di Institusi Kewangan di bawah Institusi Kewangan Berlesen yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia;
 - (ii) membayar Ansuran Bulanan melalui cara yang dinyatakan di Klausula 9.1 di atas pada masa dan mengikut cara yang ditetapkan oleh Bank sehingga Pembiayaan dijelaskan sepenuhnya.
- (b) Sekiranya berlaku kemungkiran syarat-syarat yang dinyatakan di Klausula 9.2(a) di atas, pihak Bank boleh memberhentikan *Ibra' Mu'allaq*, di mana kadar keuntungan yang akan dikenakan ke atas baki Pembiayaan akan berubah kepada kadar komersial BSN MyRinggit-i Eksekutif-1 (**tertakluk ianya tidak akan melebihi CPR**) ("**Kadar Keuntungan Komersil**") yang perlu dibayar sepanjang baki Tempoh Pembiayaan. Dalam keadaan ini, ansuran bulanan semasa yang perlu dibayar oleh Pelanggan adalah berdasarkan Kadar Keuntungan Komersil tersebut. Amaun sebenar ansuran bulanan akan dimaklumkan oleh Bank kepada Pelanggan melalui notis dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh kuat kuasa perubahan tersebut.

9.3. Kadar Mungkir

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Kadar Mungkir yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Kemudahan Pembiayaan BSN hanya akan dikenakan setelah pengurangan *Ibra' Mu'allaq* semasa kepada Kadar Keuntungan Komersil sahaja.

10. TERMA DAN SYARAT KHUSUS SKIM PEMBIAYAAN BSN MyRinggit-i Exec-1 HRO

10.1. Cara Bayaran Ansuran Bulanan

Ansuran Bulanan hendaklah dibayar oleh Pelanggan berdasarkan opsyen berikut:

- (a) Ansuran Bulanan hendaklah dibayar melalui **potongan terus (autodebit) dari Akaun BSN Giro/i**. Pelanggan perlu memastikan Akaun BSN Giro/i sentiasa mempunyai baki yang mencukupi supaya potongan Ansuran Bulanan berjaya dilaksanakan; atau
- (b) Ansuran Bulanan hendaklah dibayar melalui **potongan gaji Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA)**; atau
- (c) Ansuran Bulanan hendaklah dibayar melalui **potongan gaji oleh majikan**; atau
- (d) Ansuran Bulanan hendaklah dibayar melalui **potongan gaji melalui Jabatan Akauntan Negara**; atau

- (e) Ansuran Bulanan hendaklah dibayar melalui **potongan gaji melalui Jabatan Perbendaharaan/Kewangan Negeri**.

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Pelanggan hanya boleh memilih satu cara bayaran sahaja yang perlu dikekalkan sepanjang Tempoh Pembiayaan dan/atau sehingga keseluruhan Harga Jualan dijelaskan sepenuhnya.

10.2. Syarat-syarat Tambahan Pengeluaran Pembiayaan

Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan peruntukan syarat-syarat pengeluaran Pembiayaan dalam Terma dan Syarat Kemudahan Pembiayaan BSN MyRinggit-i, Pembiayaan akan dikeluarkan tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat tambahan berikut:

- (a) **Potongan gaji Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA)**
Pelanggan dan/atau majikan Pelanggan telah melengkapkan dan menandatangani Borang BPA 1/79
- (b) **Potongan gaji melalui Jabatan Akauntan Negara atau Jabatan Perbendaharaan/Kewangan Negeri**
Pelanggan dan/atau majikan Pelanggan telah melengkapkan dan menandatangani Borang BSN 09-D (0916)_B
- (c) **Potongan gaji oleh majikan**
Pelanggan dan/atau majikan Pelanggan telah melengkapkan dan menandatangani Borang APGPF-01(0821)

11. TERMA DAN SYARAT KHUSUS SKIM PEMBIAYAAN BSN MyRinggit-i Perintis

11.1. Cara Bayaran Ansuran Bulanan

Ansuran Bulanan hendaklah dibayar secara **potongan gaji oleh majikan melalui Jabatan Akauntan Negara**.

11.2. Syarat-syarat Tambahan Pengeluaran Pembiayaan

Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan peruntukan syarat-syarat pengeluaran Pembiayaan dalam Terma dan Syarat Kemudahan Pembiayaan BSN MyRinggit-i, Pembiayaan akan dikeluarkan tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat tambahan berikut:

Pelanggan dan/atau majikan Pelanggan telah melengkapkan dan menandatangani Borang BSN 09-D (0916)_B

11.3. *Ibra' Mu'allaq* (Rebat Bersyarat)

- (a) Pihak Bank dengan ini memberikan *Ibra' Mu'allaq* dan membenarkan Pelanggan membayar Ansuran Bulanan pada Kadar Untung Efektif (EPR) seperti di Notis Kemudahan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (i) Pelanggan kekal berkhidmat dengan Polis Diraja Malaysia (SCOP) atau Kakitangan Awam Persekutuan sepanjang Tempoh Pembiayaan; dan
 - (ii) Pelanggan membayar Ansuran Bulanan secara potongan gaji oleh majikan melalui Jabatan Akauntan Negara pada masa dan mengikut cara yang ditetapkan oleh Bank sehingga Pembiayaan dijelaskan sepenuhnya.
- (b) Sekiranya berlaku kemungkiran syarat-syarat yang dinyatakan di Klausula 11.3(a) di atas, pihak Bank boleh memberhentikan *Ibra' Mu'allaq*, dimana kadar keuntungan yang akan dikenakan ke atas baki Pembiayaan akan berubah kepada kadar komersial BSN MyRinggit-i Eksekutif-1 (**tertakluk ianya tidak akan melebihi CPR**) ("**Kadar Keuntungan Komersial**") yang perlu dibayar sepanjang baki Tempoh Pembiayaan. Dalam keadaan ini, ansuran bulanan semasa yang perlu dibayar oleh Pelanggan adalah berdasarkan Kadar Keuntungan Komersial tersebut. Amaun sebenar ansuran bulanan akan dimaklumkan oleh Bank kepada Pelanggan melalui notis dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh kuat kuasa perubahan tersebut.

11.4. Kadar Mungkir

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Kadar Mungkir yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Kemudahan Pembiayaan BSN hanya akan dikenakan setelah pengurangan *Ibra' Mu'allaq* semasa kepada Kadar Keuntungan Komersial sahaja.